

SIAPA TIPU SIAPA – Desperado?

Penyunting
Dr. Muhammad Azree dan
Sudirman Hj. Ahmad

M Enterprise

April 1987

SIAPA TIPU SIAPA – Desperado?

Penyunting

**Dr. Muhammad Azree dan
Sudirman Hj. Ahmad**

M/ Enterprise

April 1987

© Dr. Muhammad Azree dan Sudirman Hj. Ahmad

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada penerbit dan penulis.

M
324.2595

SLA

Diterbitkan oleh
M₃ Enterprise,
Kajang, Selangor Darulehsan.

787157

22 MAR 1995
Perpustakaan Negara
Malaysia




BERSATU, BERSETIA, BERKHIDMAT

Bersatu kita bersatu
Dengan setia berganding bahu
Jiwa teguh berpadu
Kita anak Melayu

Bersama kita bersama
Mendukung hasrat semua
Berjasa pada bangsa
Agama dan negara

Lambang kita yang gagah dipandang mulia dan indah
"Bersatu, Bersetia, Berkhidmat" cogankatanya
UMNO terus mara
Untuk rakyat Malaysia

TAS



“Pekerjaan PEKEMBAR (UMNO) yang lebih besar lagi, ialah berikhtiar mengubah tabiat dan penghidupan orang-orang Melayu. Perubahan itu tidak dapat disempurnakan dalam setahun, bahkan berpuluh-puluh tahun. Masing-masing bermuafakat dan berikhtiar, mustahaknya bukan sahaja dengan sokongan cakapan, melainkan daripada hatinya sendiri.”

– DATO' ONN JAAFAR

2 September 1947

**DEDIKASI
BUAT
PEJUANG—PEJUANG
MARUAH BANGSA
DAN AGAMA**

Buku yang penuh kontroversi

KANDUNGAN

PEMBUKAAN	1
KRISIS YANG TIDAK BERASAS	5
MASALAH DASAR ATAU KEPENTINGAN PERIBADI	17
MUSA VS TENGGU RAZALEIGH	29
DOLLAH BADAWI DAN BTN	43
LAKONAN POLITIK ORANG-ORANG KECEWA	53
PERTENTANGAN ALIRAN DAN SURVIVAL BANGSA	63
DILEMA PERWAKILAN	71
EPILOG	87

Pendahuluan

SATU daripada keistimewaan ahli-ahli UMNO ialah kesediaan dan sikap terbuka mereka untuk mendengar dan meneliti hujah-hujah balas pihak lawan, terutama di kalangan mereka sendiri. Atas premis inilah maka kami, walaupun dalam serba kekurangan kemudahan, mengambil inisiatif menerbitkan tulisan-tulisan yang kritikal dan bernas bagi menganalisis isu sebenar menjelang Perhimpunan Agung UMNO 24 April 1987.

Buku ini diharapkan dapat mengimbangi kritikan-kritikan tertentu yang dilemparkan terhadap pucuk pimpinan parti, khususnya Dato' Sri Dr. Mahathir Mohammad. Ia juga turut membongkar beberapa isu sebenar yang selama ini cuba diselindungi daripada pengetahuan ramai. Gabungan kajian dan pemikiran beberapa penulis dan intelektual ini dipersembahkan dalam bentuk yang bersahaja dan kritikal untuk mengisi dan mewakili perspektif baru bagi masa depan parti, bangsa, agama dan negara tercinta.

**Dr. Muhammad Azree
Sudirman Hj. Ahmad
12 April 1987.**

Pembukaan

Pada mulanya ramai yang menjangka krisis kepimpinan politik UMNO akan reda dengan pengakuan-pengakuan Datuk Musa Hitam melalui surat, kenyataan akhbar dan ucapan-ucapannya semasa dan selepas beliau meletakkan jawatan dahulu. Renungkanlah kenyataan akhbar Datuk Musa sekembalinya dari London pada 14 Mac 1986:

"Saya suka menegaskan bahawa saya tidak pernah merancang menjatuhkan YAB Datuk Seri Dr. Mahathir. Sebaliknya, rekod saya boleh membuktikan bahawa saya telah bekerja bersungguh-sungguh cuba memastikan kekesanan kepimpinannya".

Dengarkan pula sedutan ucapannya di Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO pada 17 September 1986:

"Oleh kerana UMNO terlalu murni budinya, oleh kerana UMNO terlalu tinggi harga dirinya, oleh kerana UMNO terlalu suci perjuangannya dan oleh kerana UMNO tiada

2 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

tukar-gantinya, maka saya tetap berjuang dalam UMNO dengan penuh keinsafan, dengan penuh iman dan dengan penuh keyakinan, biarpun saya tidak memegang apa-apa jawatan tinggi atau tidak mendapat apa-apa habuan hidup atau ganjaran dari perjuangan tersebut”.

Begitu juga dengan ucapannya di hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO yang lalu pada 20 September 1986, ketika mengulas permintaan para perwakilan supaya beliau menjelaskan isu perletakan jawatannya:

“Tetapi, pada pendapat saya, sudahlah... Cukuplah... Siapa yang patut beralah, beralahlah... Janganlah kita memecahkan perpaduan kita, oleh sebab saya nampak, nada di Perhimpunan Agung inipun,... tujuannya sama, sebenarnya supaya perpaduan itu terus wujud di dalam parti”.

Tetapi dalam diam-diam dan sikap beralahnya, Datuk Musa rupa-rupanya, sejak selepas perletakan jawatannya dahulu (bahkan mungkin sebelum itu), merancang dan berazam untuk menggulingkan Dr. Mahathir dan penyokong-penyokongnya, walaupun dengan apa cara sekalipun. **Kenapa?**

“Memandangkan kenyataan di atas, tentulah saudara sendiri dan saya percaya, ahli-ahli Majlis Tertinggi bersependapat dengan saya bahawa saya tidak ada pilihan lain melainkan mengundur diri supaya meringankan beban tekanan-tekanan yang begitu serius ke atas diri saudara”

Tidakkah ini semua menunjukkan yang Datuk Musa tidak boleh dan tidak sanggup menerima teguran dan kritikan? Datuk Musa nampaknya bukan sahaja merajuk, tetapi juga menyimpan dendam terhadap Dr. Mahathir. Jika tidak, kenapa kini beliau menjadi *Master Mind* dalam mengheret beberapa kalangan untuk menentang bekas bossnya? Lalu, siapakah yang menipu siapa?

Dalam surat perletakan jawatannya pada 27 Februari 1986
Datuk Musa menulis:

*"Percakapan kita pada pagi sebelum saya betolak ke Davos, iaitu 27 Januari 1986, lebih tegang dan merenggangkan serta menekan kepada saya. Saudara telah membangkitkan begitu banyak lagi perkara-perkara yang saudara mengkritik saya. Khususnya, di antara lain, beberapa orang yang saya rekomen begitu buruk **performancinya** (prestasinya). "Budak-budak" saya, (**my boys**) begitu banyak mencemarkan nama saudara dan lain-lain lagi. Saya sengaja tidak menjawab oleh sebab ini akan cuma lebih memburukkan suasana dan perasaan negatif saudara atas diri saya".*

Krisis Yang Tidak Berasas

oleh Dr. Muhammad Azree

MINAT untuk membicarakan perkembangan politik Malaysia begitu jelas sekali akhir-akhir ini, kerana pemilihan pucuk pimpinan Umno makin dekat. Kalau diperhatikan tulisan-tulisan sama ada dalam akhbar dan majalah dalam dan luar negeri, umumnya, walaupun ada juga kekecualiannya, lebih berminat untuk mensensasikan pertarungan yang akan berlaku dalam pemilihan pucuk pimpinan Umno kali ini. Tidak banyak yang cuba menganalisis punca sebenarnya kenapa konflik dan pertarungan boleh berlaku antara pemimpin-pemimpin Umno peringkat pusat khususnya.

Pada hemat saya konflik yang sedang melanda parti Umno tidak lebih daripada cetusan dendam yang tersemat di dalam hati tokoh-tokoh tertentu kerana kegagalan mereka memperoleh kuasa dengan cepat. Ringkasnya konflik yang berlaku bukanlah disebabkan oleh perbezaan yang pokok atau fundamental. Dalam sejarah perjuangan politik, sama ada di

6 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

Malaysia atau di negara-negara lain, cabaran dan penentangan itu, sekiranya didasarkan kepada asas peribadi biasanya tidak akan berjaya. Yang mungkin berjaya hanyalah apabila cabaran itu didasarkan atas asas yang kukuh dan fundamental.

Secara lebih khusus kita akan menilai pegangan dan perjuangan politik Datuk Musa Hitam bagi mengukur andaian yang dikemukakan di atas. Sebenarnya penentangan Datuk Musa terhadap pimpinan Umno sekarang, khususnya Datuk Seri Dr Mahathir Muhammad adalah berpunca daripada dakwaannya bahawa Dr Mahathir tidak lagi mempercayai dan meyakini ketaatannya terhadap Dr Mahathir. Tidak lebih daripada itu dan itulah titik persoalannya.

Sebenarnya Dr Mahathir tidak pernah mempersoalkan ketaatan Datuk Musa secara peribadi terhadapnya dan ini boleh di buktikan. Antara bukti-bukti itu ialah Dr Mahathir telah meminta Datuk Musa memangku jawatan Perdana Menteri lebih daripada 20 kali sepanjang beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri. Begitu juga Dr Mahathir telah secara konsisten menyokong Datuk Musa dalam pertandingan jawatan Timbalan Presiden dengan Tengku Razaleigh Hamzah dan memberi peluang kepada Datuk Musa menjadi pemangku Ketua Perhubungan Umno Perak.

Tohmah

Kalau Dr Mahathir mempunyai niat jahat terhadap Datuk Musa, beliau sudah pasti tidak meminta Datuk Musa menjadi Pemangku Ketua Perhubungan sebuah negeri yang paling banyak perwakilan ke persidangan Umno. Tetapi yang sebenarnya merosakkan hubungan Datuk Musa dan Dr Mahathir ialah pembantu-pembantu dan penyokong-penyokong (atau 'budak-budak') Datuk Musa, sama ada menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri dan pegawai-pegawai kerajaan (khususnya yang berkhidmat dalam Biro Tatanegara

– BTN) yang mahu melihat Dr Mahathir mengundur diri dengan cepat dan “boss” mereka, Datuk Musa Hitam menggantikannya.

Mereka ini, sama ada di dalam dan luar negeri, telah membuat pelbagai tohmah terhadap Dr Mahathir sehingga Dr Mahathir tidak dapat menerimanya lagi dan beliau terpaksa memberitahu Datuk Musa tentang karenah ‘budak-budak’-nya itu. Sebab itu dalam suratnya kepada Dr Mahathir ketika meletakkan jawatan, Datuk Musa ada menyebut tentang kritikan Dr Mahathir terhadap perangai dan sikap ‘budak-budak’-nya itu.

Sebab utama ‘budak-budak’ Datuk Musa mahu Dr Mahathir berhenti awal dan memberi laluan kepada Datuk Musa ialah kebimbangan mereka terhadap kemunculan Saudara Anwar Ibrahim yang pintar dalam politik yang dijangkakan boleh menggoncang peluang ‘budak-budak’ Datuk Musa di masa hadapan. Idea kemungkinan saudara Anwar menjadi saingan hebat kepada mereka (bukan kepada Datuk Musa yang sudah *established* dalam parti) di masa hadapan adalah amat berat bagi mereka menerimanya.

Mereka ini sebenarnya lebih mementingkan kepentingan diri mereka dan bukan memikirkan soal masa depan Umno. Berlainan dengan sikap ‘budak-budak’ Datuk Musa ini, Dr Mahathir memikirkan perlu membawa masuk saudara Anwar ke dalam Umno bukan kerana mahu saudara Anwar mengganti Datuk Musa, tetapi sebagai bakal pemimpin Umno masa depan yang boleh meriyaingi Pas dalam zaman kebangkitan Islam ini.

Sebagai seorang yang berpandangan jauh dan mempunyai visi, Dr Mahathir boleh membaca kesan kebangkitan Islam terhadap trend politik Melayu. Mahu tidak mahu, kalau kekuasaan Umno hendak dipertahan dan diteruskan, seorang yang mempunyai kekuatan peribadi dan kewibawaan dari segi agama mesti dicari dan tugas ini bukan senang dilaksanakan,

8 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

walaupun seseorang itu mempunyai ijazah Ph.D. dari Mesir. Kebanyakan tokoh-tokoh gerakan Islam yang terkenal di dunia Islam hari ini bukanlah terdiri daripada mereka yang datang daripada aliran pendidikan Islam tetapi mereka yang lulus dalam bidang sains dan sains sosial. Mereka ini sebenarnya lebih dihormati daripada lulusan agama kerana kesungguhan mereka menegakkan Islam.

'Budak-budak' Datuk Musa inilah yang bertanggungjawab terhadap kerenggangan hubungan di antara Datuk Musa dan Dr Mahathir. Mereka telah menyusup ke dalam hampir semua kedudukan-kedudukan penting kerajaan dan telah berjaya mencetuskan perang urat saraf (*psy-war*) terhadap Dr Mahathir dengan mencaci dan mencemuh Dr Mahathir dalam kursus-kursus tertutup, sama ada untuk pelajar-pelajar, pegawai-pegawai kerajaan dan orang parti.

Mereka memperkenalkan istilah-istilah yang boleh membawa implikasi yang tidak baik kepada Dr Mahathir dan akhirnya boleh menimbulkan kegelisahan, persoalan legitimasi dan kehilangan keyakinan masyarakat terhadapnya. Antara istilah-istilah itu termasuklah AIDS (Anwar Ibrahim, Daim dan Sanusi) dan MAD (Mahathir, Anwar dan Daim). Istilah-istilah ini yang secara literal mempunyai makna yang tidak baik, dihebohkan kepada masyarakat sehingga boleh menimbulkan kebencian orang ramai terhadap tokoh-tokoh itu dan Dr Mahathir sendiri.

Apabila Dr Mahathir menegur tindak tanduk 'budak-budak'nya, Datuk Musa mentafsirkan ini sebagai kehilangan keyakinan Dr Mahathir terhadap dirinya dan beliau menafikan tuduhan Dr Mahathir terhadap 'budak-budak'nya itu.

Melatah

Dalam hal ini Datuk Musa agak cepat melatah. Sekiranya beliau boleh menegur Datuk Seri Dr Mahathir dalam perte-

muan empat mata seperti yang beliau dakwa sekarang, kenapa teguran Datuk Seri Dr Mahathir mengenai "budak-budaknya" dianggap sebagai hilang keyakinan. Sekiranya Datuk Musa jujur, beliau sepatutnya menyiasat dan menyelidik terlebih dahulu sebelum membuat kesimpulan yang terburu-buru. Barangkali Datuk Musa tidak tergamak berbuat demikian dan beliau terpaksa mempertahankan 'budak-budaknya' itu kerana mereka banyak membantunya dalam pertandingannya dengan Tengku Razaleigh pada 1981 dan 1984.

Oleh itu, pertelingkahan Datuk Musa dengan Dr Mahathir bukanlah atas prinsip dan dasar yang pokok, tetapi lebih berbentuk pergeseran yang dicetuskan oleh tindak-tanduk pengikut-pengikut Datuk Musa untuk menikam Dr Mahathir dari belakang, supaya Dr Mahathir tidak lama menjadi Perdana Menteri dan Datuk Musa dapat menggantikannya dan Saudara Anwar Ibrahim dapat dimatikan kerjaya politiknya.

Kita mengatakan perbezaan ini disebabkan oleh perkara-perkara di atas dan bukan atas dasar yang pokok (*fundamental*). Ini ialah kerana sepanjang Datuk Musa menjadi Timbalan Perdana Menteri beliau bukan sahaja mendapat kepercayaan Dr Mahathir, tetapi beliau sendiri memang mengaku kepimpinan dan pentadbiran Dr Mahathir adalah baik dan tiada cacat celanya. Beliau bukan sahaja mempertahankan dasar-dasar yang dijalankan oleh pentadbiran Dr Mahathir tetapi menerimanya dengan penuh ikhlas. Petikan-petikan daripada ucapan dan tulisan Datuk Musa adalah sebaik-baik bukti tentang kenyataan ini. Kita perturunkan beberapa petikan itu sebagai renungan:

"Dalam era kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, segala dasar, segala tindakan dan perjalanan jentera kerajaan jelas bertambah mendadak keupayaannya... Oleh kerana kepimpinan negara kita telah begitu berjaya dalam segala usahanya setakat ini, kepercayaan dan sanjungan rakyat

10 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

terhadapnya pun semakin bertambah. Keadaan ini mencemaskan beberapa golongan di dalam dan luar Umno. Golongan ini mendapati tiada cacat dan cela dalam pentadbiran sekarang yang boleh dijadikan isu, modal dan bahan untuk mengikis kepercayaan rakyat kepada kerajaan." (Ucapan perasmian Kursus Politik dan Pentadbiran Umno Mantin, 23 Januari 1983).

"Kita tidak wujud di dalam kekosongan. Kita saling berkait dan saling memerlukan di antara satu sama lain. Selaras dengan era kepemimpinan negara hari ini di bawah pimpinan YAB Datuk Seri Dr Mahathir yang menyeru semua pihak bersatu membina sebuah negara Malaysia yang lebih gemilang lagi bermaruah, tugas saudara-saudara perlulah diluaskan di bidang-bidang yang meliputi aspek-aspek pembangunan, pendidikan, ekonomi dan juga menjamin keselamatan negara. (Lihat buku karangan Dato Musa, *Nasionalisme*, halaman 70).

"Proses dan usaha-usaha kita mengislamkan rakyat bukan Islam di negara ini adalah antara yang paling berjaya di dunia. Hasil daripada usaha-usaha kita ini, nampaknya semakin ramai bukan Islam kini berminat serta tertarik hati dengan ajaran Islam. (Lihat *Nasionalisme*, Halaman 94-95).

Mengenai Dasar Pandang Ke Timur, Datuk Musa berkata, "Kepemimpinan Malaysia bertekad menukar pemikiran rakyat. Sudah lama Barat menjadi model dan kini Barat tidak lagi menjadi contoh baik yang boleh digunakan untuk menentukan masa depan. Kita mahu setiap rakyat bekerja kuat seperti Jepun. Kita mahu setiap rakyat kita mempunyai cita-cita besar seperti rakyat Jepun." (Ucapannya di majlis Makan Malam Masyarakat Perniagaan Jepun, 15 Mac 1983).

Sesungguhnya kalau dianalisis semua ucapan Datuk Musa, beliau menyokong semua projek dan dasar yang diputuskan bersama oleh Kabinet. Dasar Pengswastaan, Penerapan Nilai Islam, dan industri berat semuanya mendapat sokongan tidak

berbelah bagi daripada Datuk Musa.

Mengenai Proton Saga, Datuk Musa berkata, "Saya bukan pakar mengenai kereta, tetapi berdasarkan pengetahuan saya dan kemajuan dalam pembinaan kereta, saya berbangga dengan Proton Saga. Sokongan kepada Proton Saga amat menggalakkan dan ini menandakan bahawa projek kereta kebangsaan akan berjaya." (Terjemahan daripada Business Times, 4 September 1985). Datuk Musa memiliki Proton Saga nombor pendaftaran *Proton 1000*. Dengan Proton Saganya berwarna biru itulah Datuk Musa memandunya menyeberangi Jambatan Pulau Pinang dan menjadi orang pertama membayar tol di jambatan itu.

Sokongan

Di samping petikan-petikan di atas, sebenarnya kita boleh mengemukakan banyak petikan lagi yang menunjukkan sokongan bulat Datuk Musa kepada dasar-dasar besar yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir. Ketika Dr Mahathir menghadapi krisis penting berhubung dengan isu Perlembagaan, Datuk Musa menyatakan beliau ditegur kononnya tidak bersetuju dengan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir. Datuk Musa menafikan akan kebenaran tuduhan-tuduhan itu. Dan ketika berucap di perhimpunan raksasa di Batu Pahat, beliau menyatakan bukan sahaja beliau menyetujui dengan dasar-dasar itu tetapi membuat kerja-kerja yang "complement" kepada dasar-dasar Dr Mahathir itu.

Dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir adalah bertujuan menguntungkan orang Melayu dan negara dan sebab itulah banyak pemimpin-pemimpin, termasuk Datuk Musa menyokongnya. Tetapi apabila krisis telah berlaku dan Datuk Musa tidak lagi berada dalam kerajaan, bermacam-macam tuduhan mula dilemparkan dan kenyataan-kenyataan negetif mula dikeluarkan.

12 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

Bagi mereka yang berfikiran waras, kenyataan-kenyataan yang dibuat dalam kepanasan kempen tidak dapat diterima kerana ketika itu akal (*reason*) sudah tidak bertugas lagi kerana ia telah tunduk kepada emosi. Jadi, apabila kita hendak menilai baik atau buruk kepemimpinan sekarang, kita hendaklah kembali melihat kenyataan-kenyataan yang dibuat ketika tokoh-tokoh politik berada dalam keadaan biasa.

Kerana itulah apabila kita hendak menilai sikap Datuk Musa terhadap Dr Mahathir kita hendaklah meneliti ucapan-ucapan dan tulisan-tulisan beliau ketika beliau tidak menghadapi krisis politik seperti sekarang. Dan sebagaimana kita perhatikan daripada petikan-petikan di atas (sekadar beberapa contoh daripada ratusan petikan yang boleh diambil) Datuk Musa tidak mempunyai perbezaan yang pokok atau fundamental dengan Dr Mahathir. Perbezaan yang ada sekarang adalah tercetus daripada perbezaan kecil yang "terpaksa" di perbesarkan, tetapi bagi mereka yang rasional, perbezaan seperti itu tidak sah (*legitimate*) untuk diketengahkan. Kita mesti matang dan bersikap waras dalam penilaian kita.



Desprado tu apa Datuk? Orang kampung tak faham. Desprado tu pengkhianat, macam musang berbulu ayam! Datuk Musa tipu orang kampung. Putar belit isu. Nanti kalau kalah, cabut lagi ke luar negeri. Apa susah? Itulah Desprado!



Ku Li kuli siapa? Kuli Datuk Musa atau kuli tauke-tauke? Kalau skandal BMF terbongkar kita tengoklah nanti ke mana Ku Li mahu lari. Ikut Musa?



Eh, boleh menang ke kita ni? Don't worry. Kita ada banyak wang.



Datuk Sri Dr. Mahathir harapan generasi baru. Tegas, berani mempunyai vision (pandangan jauh), cergas dan kuat bekerja untuk kemajuan bangsa Melayu dan agama Islam. Disegani oleh kawan dan lawan. Pemimpin tegas negara teguh!.

Masalah Dasar atau Kepentingan Peribadi

oleh Sudirman Hj. Ahmad

KALAU kita meneliti berita-berita akhbar dan media yang lain, akan terasa kepada kita bahawa fokus perhatian umum sekarang ialah 24 April 1987 – tarikh berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno, parti yang menjadi tulang belakang kerajaan. Bukan sahaja ahli-ahli Umno dan penganalisa politik yang sibuk berkempen, lobi-melobi dan bertegang leher menegakkan pendapat masing-masing, parti-parti pembangkang dan orang yang sebelum ini tidak meminati politik pun turut terabit.

Bukan sahaja hotel dan restoran besar dijadikan tempat berkempen, lobi-melobi dan berbahasa tentang perkembangan politik Umno yang semakin mendebarakan, warung burger pun turut jadi gelanggang. Pelbagai andaian dan tafsiran dibuat bagi menyokong pembahagian pertandingan itu kepada Kumpulan Datuk Musa-Tengku Razaleigh dan Kumpulan Datuk Seri Dr Mahathir – Encik Ghafar Baba. Seorang rakan yang pro Tengku Razaleigh membuat analogi yang menarik berdasarkan slogan “perubahan” yang dipopularkan oleh Kumpulan Musa – Ku Li.

18 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

Katanya, Umno sekarang ibarat budak-budak sekolah swasta yang mengambil peperiksaan STPM. Kalau belajar dengan satu kumpulan guru sebelum ini mereka hanya mampu mendapat tiga prinsipal, apa salahnya mencuba pula belajar dengan guru-guru lain, untung-untung boleh dapat lima prinsipal!

Atas andaian inilah sekarang kumpulan yang kononnya mahukan perubahan sibuk berkempen menentang Dr Mahathir. Kumpulan Musa – Ku Li dan beberapa kalangan, termasuk parti pembangkang dan pertubuhan-pertubuhan sosial, kini seolah-olah cuba menganjurkan satu pandangan umum (*public opinion*) yang menyeleweng daripada hakikat yang sebenar dengan cara memalsukan fakta dan memutarbelitkan hujah.

Bagi mereka masalah kelembapan ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang adalah disebabkan salah urus, salah perancangan dan kelemahan pentadbiran kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dengan kata lain, kelembapan ekonomi yang kita rasakan sekarang adalah kerana kesalahan Dr Mahathir kerana ia berlaku di zaman pemerintahannya. Hujah ini kononnya diperkuatkan lagi dengan pembongkaran pelbagai penyelewengan dan projek-projek mewah di zaman Mahathir.

Sekali imbas memang ada logiknya, tetapi apabila dihalusi, ternyata pandangan yang sedemikian tidak dapat dipertahankan. Kelembapan ekonomi negara sekarang bukan disebabkan oleh kepimpinan Dr Mahathir. Ia disebabkan oleh faktor-faktor luaran dan dalaman. Faktor luarannya ialah kesan kelembapan ekonomi dunia secara keseluruhan, di mana akibat pemakaian sistem ekonomi kapitalisme dan permainan kuasa-kuasa besar, hampir semua negara membangun, termasuk Malaysia, turut terbabit dan menerima kesan buruknya.

Masalah kelembapan ekonomi dunia ini ditambah oleh masalah perancangan dan belanjawan negara-negara membangun sebagai faktor dalaman. Jadi, masalah ini sebenarnya tidak wajar dibebankan kepada Perdana Menteri seorang, tetapi perlu ditudingkan kepada seluruh anggota kabinet

dahulu dan sekarang, jika benar. Ini kerana secara logiknya, kelembapan ekonomi tidaklah berlaku dengan tiba-tiba. Sesuatu gejala yang berlaku itu tidak terlepas daripada ketentuan Tuhan dan hukum sebab-akibat.

Jelasnya ia berlaku disebabkan perbuatan-perbuatan dan amalan-amalan pada masa yang lepas, di samping amalan-amalan masakini. Jika kita dapat menerima fakta bahawa sesuatu fenomena buruk itu disebabkan salah urusan, silap perancangan dan kelemahan pentadbiran dan hakikat bahawa apa yang berlaku hari ini adalah disebabkan keadaan-keadaan masa lepas, yakinlah kita bahawa gejala kemelesetan ekonomi di zaman Dr Mahathir juga adalah disebabkan amalan-amalan beberapa tahun sebelumnya. Dengan kata lain, Dr Mahathir hanya mewarisi masalah-masalah yang berlaku sekurang-kurangnya sejak Tun Hussein Onn dan Tun Abdul Razak.

Warisi Masalah

Dalam perjalanan pemerintahan, walaupun Perdana Menteri adalah orang nombor satu yang boleh memutuskan arah (*direction*) negara, "tugas" menteri-menteri kabinet lain juga tidak dapat diketepikan begitu sahaja. Dalam konteks perancangan pembangunan ekonomi dan belanjawan negara, orang yang bertanggungjawab secara langsung ialah Menteri Kewangan. Jika kita menerima fakta dan andaian di atas, bahawa kesalahan juga harus dipertanggungjawabkan kepada "orang di zaman sebelum ini", maka orang itu sendiri tidak lain daripada Tengku Razaleigh sendiri.

Beliau menjadi Menteri Kewangan selama lapan setengah tahun sejak tahun 1976 hingga ke pertengahan tahun 1984. Oleh itu, Encik Daim Zainuddin hanya mewarisi masalah-masalah kewangan dan belanjawan di zaman Tengku Razaleigh. Masa dua setengah tahun tentulah belum mencukupi bagi beliau untuk menyelesaikan semua masalah yang diwarisinya itu.

Sebenarnya dakwaan Tengku Razaleigh bahawa pada

20 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

zaman beliau menjadi Menteri Kewangan dahulu tidak berlaku sebarang isu kontroversi dan rasuah yang membabitkan namanya mudah dipertikaikan. Semua orang tahu bahawa skandal-skandal besar penipuan kewangan seperti BMF dan penyelewengan institusi-institusi kewangan yang lain berlaku di zaman Tengku Razaleigh menjadi Menteri Kewangan. Ambil saja contoh BMF yang dibongkar pada penghujung tahun 1983 dengan pembunuhan Jalil Ibrahim di Hong Kong.

Penyelewengan dan penipuan dalam urusniaga Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong telah dilakukan sejak tahun 1980 atau mungkin lebih awal lagi. Jadi, bagaimanakah Tengku Razaleigh dapat dengan mudah menyatakan bahawa di zaman-nya tidak berlaku apa-apa kontroversi dan penyelewengan?

Ada tuduhan nakal yang menyatakan bahawa Perdana Menteri sendiri kononnya turut terbabit sama, tetapi ia belum dan tidak dibuktikan secara konkrit dan hanya menjadi "cakap-cakap politik" penyebar fitnah yang cuma berani "lempar batu sembunyi tangan" sahaja. Tetapi jika ada orang yang masih berpendapat bahawa Dr Mahathir juga mungkin terbabit, kenapa beliau begitu berani mendedahkan penyelewengan-penyelewengan seumpama itu?

Siapa yang cuba menyekat pengeluaran laporan Jawatankuasa Penyiasatan Tan Sri Ahmad Noordin, Dr Mahathir atau Encik Daim? Jawabnya bukan Dr Mahathir dan bukan juga Encik Daim. Yang kita ingat ialah percubaan menyekat laporan jawatankuasa itu berlaku ketika Dr Mahathir melawat ke luar negeri.

Belum kedengaran di mana-mana bahagian-bahagian di dunia ini orang sanggup membongkar skandal-skandal yang juga membabitkan dirinya sendiri, kecuali selepas itu dia hendak membunuh diri. Bahkan Perdana Menteri lah yang memberikan arahan supaya semua kegiatan rasuah, penipuan dan penyelewengan yang berlaku di zaman sebelumnya dan di zamannya dibongkarnya skandal BMF dibanteras. Beliaulah yang mendedahkan kegiatan politik wang (*money politics*) di kalangan pemimpin dan ahli UMNO semata-mata untuk melak-

sanakan dasar-dasar Bersih, Cekap dan Amanah; Kepemimpinan Melalui Teladan dan Penerapan Nilai-Nilai Islam. Dasar-dasar itu terus dilaksanakan oleh Dr Mahathir demi "survival" bangsa dan agama walaupun mendapat tentangan dan cemuhan daripada sesetengah anggota kabinet yang kini berpakat pula menentanginya.

Bagi orang yang mengikuti perkembangan politik Datuk Musa dan Tengku Razaleigh secara mendalam, penentangan Musa – Ku Li terhadap Dr Mahathir hanyalah disebabkan krisis peribadi. Tengku Razaleigh sakit hati dengan Dr Mahathir kerana menyokong dan memenangkan Datuk Musa dalam pertarungan merebut kerusi Timbalan Presiden Umno pada 1984. Sebaliknya, seperti mana yang didedahkan baru-baru ini, perletakan jawatan oleh Datuk Musa pula disebabkan perasaan kecil hatinya terhadap Dr Mahathir yang terus mengekalkan Tengku Razaleigh dalam susunan kabinetnya dan memberi peluang kepada pemimpin muda seperti Anwar Ibrahim.

Musuh politik

Bagi Datuk Musa, Tengku Razaleigh adalah rival (saingan) dan musuh politik yang paling berbahaya. Ini berdasarkan sokongan yang masih kuat terhadap Tengku Razaleigh dalam pemilihan Umno 1984 walaupun banyak bulu sayapnya dicabut.

Dalam pemilihan tahun 1984, walaupun Tengku Razaleigh hanya mendapat sembilan pencalonan bagi merebut kerusi Timbalan Presiden, beliau berjaya meraih 501 undi, berbanding Datuk Musa yang walaupun mendapat 94 pencalonan, tetapi mampu menarik 744 undi sahaja. Itupun kerana beliau (Datuk Musa) mendapat sokongan terbuka dan bulat daripada Dr Mahathir. Tengku Razaleigh juga, bagi Datuk Musa, hukanlah calang-calang orang, kerana seimbis lalu, dari satu segi, beliau adalah seorang ahli perniagaan dan perancang ekonomi yang agak berjaya. Oleh itu, bagi Datuk Musa, sekiranya Tengku Razaleigh masih diberi peluang berada dalam kabinet, masa

22 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

depannya sebagai bakal pengganti Dr Mahathir belum benar, benar selamat.

Datuk Musa memang tidak sebulu dengan Tengku Razaleigh sejak dahulu lagi. Sebagai seorang ahli politik, beliau tentulah sedikit sebanyak terpengaruh dengan teori *zero-sum game*, di mana pengaruh musuh politiknya dianggap boleh mengurangkan pengaruh politiknya sendiri. Oleh kerana Datuk Musa telah berjaya mengalahkan Tengku Razaleigh dua kali dalam pemilihan Timbalan Presiden, Datuk Musa berpendapat kemenangannya itu boleh dijadikan alasan untuk menyingkirkan musuhnya. Tetapi apabila Dr Mahathir mengekalkan Tengku Razaleigh, Datuk Musa mula berasa tercabar. Dr Mahathir mengekalkan bekas Menteri Kewangan itu dalam kabinet kerana pengarangnya yang masih kuat di kalangan ahli-ahli Umno ketika itu.

Sebenarnya Datuk Musa tahu bahawa sekiranya beliau sanggup bersabar beberapa tahun lagi, jawatan Perdana Menteri dan Presiden Umno itu akan diturunkan kepadanya mengikut tradisi Umno. Tetapi Datuk Musa juga melihat masa depannya yang semakin dilapisi kabus kerana pengaruh Tengku Razaleigh terus berkembang secara diam-diam. Datuk Musa juga sudah dapat mengesan sesuatu yang berbahaya bagi masa depannya. Apa lagi dengan kehadiran Anwar Ibrahim yang begitu cepat popular di kalangan ahli Umno, terutama generasi muda. Ketakutan ini rupa-rupanya bukanlah ketakutan Datuk Musa seorang, tetapi ketakutan beberapa tokoh lain yang baru dan sedang berusaha mengukuhkan tapak masing-masing. Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Shahrir Samad, Datuk Ajib Ahmad, Datuk Rais Yatim, Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Zainal Abidin Zin, Puan Marina Yusof dan beberapa yang lain turut berada dalam dilema dan "tidak senang duduk."

Menghalang

Dalam kes ini, contoh yang paling ketara ialah Datuk Abdullah Ahmad Badawi, calon favourite bakal "pengganti" Datuk

Musa. Semua orang tahu pendiriannya apabila Tengku Razaleigh mengumumkan bahawa seramai enam orang Menteri sudah sanggup "menganggur" sekiranya "kumpulan kami" tewas dalam pemilihan kali ini. Bagi Datuk Musa, Datuk Abdulah Ahmad Badawi ialah satu-satunya tokoh yang layak diketengahkan untuk menghalang Anwar Ibrahim yang datang dari negeri yang sama itu.

Jelasnya, krisis peribadi ini berjaya dimanifestasikan oleh Datuk Musa Hitam dalam bentuk dan tujuan kepentingan bersama. Atas dasar kepentingan bersamalah juga Datuk Musa kini sanggup berkompromi dengan Tengku Razaleigh, musuh ketatnya. Mereka sanggup "melupakan" buat sementara segala pertelingkahan dan sakit hati masa lalu, semata-mata untuk "survival" politik masing-masing. Bagi kedua-duanya, kekuatan Dr Mahathir memang sukar digugat secara bersendirian. Mereka berdua saling "menumpang tuah" antara satu sama lain. Datuk Musa menggunakan Tengku Razaleigh sebagai regunya bagi menarik perhatian ahli-ahli Umno terhadap apa yang disebutkan sebagai "kesalahan" Dr Mahathir. Tengku Razaleigh pula menggunakan Datuk Musa untuk mengukuhkan pengaruhnya menentang Dr Mahathir. Dengan mewujudkan satu pakatan dan menyeret lebih ramai penyokong masing-masing, mereka berharap Dr Mahathir dan penyokongnya dapat ditumbangkan.

Walaupun Datuk Musa Hitam, sebagai Timbalan Presiden Umno, telah menghulurkan tangan persahabatan dan memeluk erat Tengku Razaleigh Hamzah, beliau mungkin mempunyai strateginya sendiri. Pemerhati-pemerhati politik sekian lama memberi amaran agar tidak memperkecil-kecilkan kepandaian Datuk Musa bermain politik.

Dengan mengharapakan Tengku Razaleigh bertanding menentang Dr Mahathir bagi kerusi Presiden, Datuk Musa mungkin sudah menduga kekalahan regunya. Seandainya Tengku Razaleigh kecundang, laluan mungkin lebih mudah bagi beliau dan penyokong beliau.



Musa Hitam malu-malu kucing (atas); Doc, apa sudah jadi dengan Musa?



Ini dia pelakon-pelakon drama politik. Ku Li guna pengaruh raja. Kalau perwakilan tidak makan dengan "offer" dia ugut perwakilan




Mahathir sanggup dengar pendapat Musa, tetapi
Musa sekali tegur merajuk setahun!

Tok Aki

Oleh Abib





Anwar Ibrahim "dewa dari langit" datang selamatkan UMNO daripada orang yang korup macam Musa dan Ku Li.



Marina frust sebab minta jawatan senatorpun Dr. Mahathir tolak. (atas)

Aduh! Pening betul Ajib dan Shahrir. Lawan Bernama buat apa? Kalau betulpun apa salahnya, orang dah tahu! (Selamat Tinggal Ajib dan Shahrir).

Musa vs Tengku Razaleigh

oleh Jaafar Hamid

KERANA kuasa, lawan jadi kawan dan sahabat bertukar menjadi seteru. Begitulah yang terjadi kepada UMNO sekarang. Dulu Datuk Musa Hitam berkawan baik dengan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohammad dan bermusuhan dengan Tengku Razaleigh. Kini semuanya sudah terbalik. Datuk Musa berpakat dengan Tengku Razaleigh untuk menjatuhkan Datuk Sri Dr. Mahathir.

Meskipun kuncu-kuncu regu Datuk Musa dan Tengku Razaleigh kini rancak berkempen menjatuhkan Datuk Sri Dr. Mahathir, nampaknya Perdana Menteri tidak pula cepat melatah. Beliau terus menjalankan tugas hariannya seperti biasa. Semua orang tahu hubungan antara Datuk Sri Dr. Mahathir dengan Datuk Musa sebagai rakan atau sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri begitu mesra dan akrab sebelum ini.

Kerana sayangkan rakan yang juga timbalannya, Perdana Menteri tidak segan-segan menyatakan sokongannya secara terbuka kepada Datuk Musa, dengan harapan Tengku Razaleigh dan orang-orangnya tidak lagi mencabar Datuk Musa. Di Per-

himpunan Agung UMNO 21 Ogos, 1983, dalam ucapannya antara lain Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Saya berterima kasih kepada perwakilan 1981 kerana memilih Timbalan Presiden yang boleh bekerja dengan saya sebagai satu pasukan. Saya bersyukur kepada Allah kerana dalam menjalankan tugas sebagai Presiden parti dan Perdana Menteri, saya dibantu oleh seorang rakan yang berkesan (*efficient*). Bersama dengan Datuk Musa sebagai Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri, satu pasukan yang berkesan berjaya diwujudkan yang membolehkan kami melakukan beberapa perubahan yang penting bagi kesejahteraan negara."

Perwakilan UMNO tahu bahawa ucapan Presiden itu adalah mesej kepada perwakilan supaya menyokong Datuk Musa dan kepada Tengku Razaleigh supaya jangan tentang Datuk Musa di perhimpunan 1984. Sesiapa yang menentang Datuk Musa bermakna menentang pasukan 2M. Datuk Musa menerima sokongan (*endorsement*) Datuk Sri Dr. Mahathir dengan lapang dada. Katanya, "saya tidak tahu apa yang hendak dicakapkan. Saya tidak akan lupa bahawa saya dipilih sebagai Timbalan Presiden oleh UMNO dan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri oleh Datuk Sri Dr. Mahathir. Sama ada saya ikhlas atau tidak Allah saja yang mengetahui." Pada 10 Disember, 1983, bertempat di Johor Bahru, Datuk Musa sekali lagi mengulangi taat setianya kepada Datuk Sri Dr. Mahathir. "Taat setia saya kepada Datuk Sri Dr. Mahathir adalah total. Selaku Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri, saya menyeru semua ahli UMNO Johor memberi sokongan seratus peratus kepada Perdana Menteri dan Presiden Parti. (Lihat akhbar The New Straits Times, 11 Disember, 1983).

Bagaimanapun, Tengku Razaleigh tidak faham mesej Presiden. Beliau tetap juga bertanding melawan Datuk Musa pada tahun 1984. Ramai ahli UMNO berpendapat kerjaya politik Tengku Razaleigh akan berakhir kerana mereka yakin, Perdana Menteri tidak lagi akan melantik beliau menganggotai kabinetnya. Tengku Razaleigh kecundang bagi kali kedua. Bagaimanapun, kerjaya politiknya tidak berakhir. Datuk Sri Dr.

Mahathir tidak pendendam dan beliau tetap melantik Tengku Razaleigh menganggotai kabinetnya meskipun Datuk Musa menentang keras. Malah orang-orang Tengku Razaleigh juga turut dilantik. Jika Datuk Sri Dr. Mahathir pendendam, sudah tentu Tengku Razaleigh dan orang-orangnya dihapuskan ketika rombakan kabinet 1984.

Anehnya, Tengku Razaleigh sendiri bukanlah orang yang tahu bersyukur atau berterima kasih. Sekarang dia kata Datuk Sri Dr. Mahathir ketepikan beliau. Ke tepi macam mana? Beliau masih duduk dalam semua jawatankuasa penting seperti jawatankuasa Dasar Ekonomi Baru, PNB dan lain-lain di samping menjadi Menteri Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian itu tidak penting? Apakah salah satu sifat mulia orang Melayu ialah tidak mengenang budi?

Tengku Razaleigh mungkin berkata Perdana Menteri terpaksa lantik beliau dalam kabinet kerana masih dapat sokongan kuat. Bukan kerana itu, Tengku Razaleigh. Kalau bukan Datuk Sri Dr. Mahathir yang lembut hati, yang pemaaf, Tengku Razaleigh sudah tidak ada apa-apa jawatan dalam kabinet. Datuk Sri Dr. Mahathir tidak mempunyai sifat "political animal". Dia seorang *statesmen* dan pemimpin ummah. Dia tidak gila kuasa seperti Tengku Razaleigh atau Datuk Musa.

Semua ahli UMNO tahu bahawa kemenangan Datuk Musa dalam pertandingan kedua kali adalah kerana sokongan Perdana Menteri. Maka sebutan 2M bertambah kerap diucap, terutama sekali oleh pemimpin dari Johor seperti Datuk Shahril Samad. Kerajaan 2M, kepimpinan 2M, malah apa saja mengenai pucuk pimpinan parti dan kerajaan, pasti akan dikaitkan dengan 2M. Menurut Tun Hussein Onn, kerana terlalu dibuai oleh 2M, Datuk Musa lupa diri. Datuk Musa sangka beliau sama taraf dengan Perdana Menteri. Ini tentu menyukarkan Datuk Sri Dr. Mahathir menjalankan tugasnya. Kerana terlupa membezakan di antara yang dipilih dengan yang dilantik, maka Datuk Musa dan orang-orangnya hilang pedoman. Ini dapat dirasakan oleh orang ramai terutama sekali bila Datuk Sri Dr.

32 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

Mahathir di luar negeri. Maka tersebarlah khabar-khabar angin bahawa Datuk Musa tidak sejalan dengan PM lagi.

Bagaimanapun, demi kepentingan parti, bangsa, agama dan negara, Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datuk Musa berpelukan di Perhimpunan Agung UMNO 1985. Datuk Musa dalam ucapannya menafikan segala khabar-khabar itu. Beliau sekali lagi mengulangi kesetiaannya kepada Datuk Sri Dr. Mahathir. Sayangnya, belumpun pengakuan taat setia itu hilang daripada ingatan, pada 26 Februari, 1986, Datuk Musa Hitam menyerahkan surat perletakan jawatan bersama surat sepanjang tujuh halaman menerangkan sebab-sebab beliau meletakkan jawatan. Surat itu bercop sulit, tetapi diedarkan kepada semua ahli Majlis Tertinggi. Dan pihak akhbar juga tahu lebih awal daripada Perdana Menteri.

Perlu diingatkan Datuk Musa meletakkan semua jawatan dalam parti dan juga kerajaan. Hanya selepas dipujuk baru dia menarik balik perletakan jawatan sebagai Timbalan Presiden. Dia diberitahu ada perbezaan antara jawatan yang dipilih dan yang dilantik. Soalnya, sekarang apakah Datuk Musa benar-benar sayangkan parti, agama, bangsa Melayu dan negara? Strategi beliau meletakkan jawatan di saat-saat negara menghadapi pilihanraya umum dan negara mengalami kemelesetan ekonomi, tidak lain daripada bertujuan melemahkan Perdana Menteri. Beliau tidakpun berbincang dengan penyokongnya, malah selepas menghantar surat perletakan jawatan, beliau terus menghilangkan diri. Pemimpin yang bertanggungjawab tidak akan cepat merajuk. Pemimpin yang jujur dan ikhlas akan mengutamakan kepentingan parti dan bangsa daripada kepentingan peribadi.

Bagaimanapun, Allah sentiasa bersama orang yang benar. Strategi Datuk Musa tidak berjalan. Malah penjelasan Datuk Sri Dr. Mahathir di mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO 15 Mac, 1986 memecahkan tembelang siapa Datuk Musa yang sebenarnya. Majlis Tertinggi UMNO sebulat suara menolak surat Datuk Musa. Kini semakin jelas bahawa perletakan jawatan Datuk Musa sebenarnya berpunca daripada ketidaksabarannya hen-

dak menjadi Perdana Menteri. Kesabaran ialah satu sifat kebudayaan Melayu. Agama Islam juga mengajar kita bersabar. Dua kali Datuk Musa meminta Perdana Menteri menggugurkan Tengku Razaleigh daripada kabinet iaitu pada 1981 dan 1984.

Malah dalam suratnya kepada Perdana Menteri tiga hari sebelum rombakan kabinet Julai, 1984, Datuk Musa mengger-tak Perdana Menteri yang beliau akan meletakkan jawatannya berkuatkuasa Julai 1985, jika Perdana Menteri memasukkan Tengku Razaleigh dalam kabinetnya. Tapi bila tiba Julai 1985, beliau masih di dalam kabinet? Musa macam tidak faham hak melantik anggota kabinet di tangan Perdana Menteri bukan timbalannya. Langkah Datuk Musa mudah difahami. Jika Perdana Menteri buang Tengku Razaleigh bermakna imej Perdana Menteri akan menurun, sekurang-kurangnya di kalangan ahli UMNO Kelantan. Orang tentu akan berkata Datuk Sri Dr. Mahathir mahu bolot kuasa, Datuk Sri Dr. Mahathir balas dendam, Datuk Sri Dr. Mahathir tidak mengenang jasa Tengku Razaleigh membantu kemenangan BN di Kelantan dan sebagainya. Kalau gertakan Datuk Musa ini berjaya, bermakna mudah-lah bagi Datuk Musa melakukan gertakan-gertakan yang lain. Bagaimanapun Datuk Sri Dr. Mahathir tahu yang Datuk Musa bermain politik. Beliau tidak mahu Datuk Musa naik tocang.

Dalam surat penjelasannya Datuk Musa menyatakan bahawa ia kecil hati apabila PM menyebut budak-budaknya berkempen memburukkan imej PM. Amatlah malang jika orang Melayu dan negara mempunyai pemimpin yang mudah berkecil hati seperti Datuk Musa. Pernahkah Dr. Mahathir ber-kecil hati seperti Datuk Musa. Pernahkah Dr. Mahathir berkecil hati melihat Tengku Razaleigh dan Tan Sri Ghazali Shafie bebas turun naik pejabat Tun Hussein semasa beliau menjadi Perdana Menteri sedangkan Dr. M selaku DPM jarang diajak berbincang? Ini tentunya diketahui oleh Datuk Musa sendiri.

Sekiranya Datuk Musa benar-benar ikhlas dan jujur, beliau tidak sepatutnya berkecil hati dengan kata-kata PM dalam per-

34 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

temuan mereka pada 27 Januari, 1986. Beliau juga tidak sepatutnya menafikan bulat-bulat apa yang disuarakan oleh PM sebaliknya menyiasat terlebih dahulu. Sekarang jelaslah teguran-teguran yang disampaikan oleh PM kepada Datuk Musa benar. Dia terang-terang mahu jatuhkan PM. Dia tidak mahu Datuk Sri Dr. Mahathir jadi Perdana Menteri. Kalau surat yang bertulis tangan daripada Datuk Musa disimpan rapi dalam fail peribadi PM, tentulah teguran PM kepada Datuk Musa pada 27 Januari, 1987 juga ada bukti-buktinya. Bagaimanapun, Datuk Musa mengambil jalan singkat. Beliau merajuk dan terus meletakkan jawatan.

Di akhir suratnya antara lain Datuk Musa berkata "dengan perletakan jawatan saya, saudara boleh memilih orang yang saudara percaya sepenuhnya membantu saudara bila saudara berhadapan dengan rakyat. Ini juga membantu mengekalkan perpaduan parti kerana saya tidak lagi menentang dan mengkritik saudara."

Tetapi apa sudah jadi sekarang? Taat setia dan janjinya tidak akan menentang hanyalah dusta semata. Beliau kini kembali mencabar PM secara terbuka. Salahkah kalau dikatakan Datuk Musa menderhaka? Kerana hendak jatuhkan Datuk Sri Dr. Mahathir, Datuk Musa sanggup menggadai maruah politiknya berpakat dengan Tengku Razaleigh. Dengar apa kata Datuk Musa ketika berucap di majlis perasmian mesyuarat UMNO bahagian Segamat oleh Tengku Razaleigh Jumaat lalu, (27 Februari, 1987): "Saya menyokong Tengku Razaleigh merebut jawatan presiden di Perhimpunan Agung UMNO April ini. Berkat sejarah yang berlaku di Segamat pada masa lalu, moga-moga akan menghasilkan kejayaan demi kepentingan bersama. Saya juga akan menyokong Tengku Razaleigh menjadi Perdana Menteri. Saya tidak akan berkecil hati, mendenam atau marah kerana tidak lagi memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri atau Menteri Dalam Negeri."

Cuba bandingkan ucapan Datuk Musa di Segamat dengan ucapannya di Perhimpunan Agung UMNO 1985. Bezanya seperti langit dengan bumi. Datuk Musa berkata beliau

menyokong Tengku Razaleigh kerana "kepentingan bersama", bukan kerana parti, bangsa dan negara. Tentulah "kepentingan bersama" di sini bermaksud kepentingan beliau dan Tengku Razaleigh untuk menjatuhkan PM. Soalnya apakah orang-orang Tengku Razaleigh boleh percaya dengan lafaz Datuk Musa? Apakah Datuk Musa tidak akan berkecil hati, menden-dam dan marah jika Tengku Razaleigh jadi PM? Soalnya, sanggupkah Datuk Musa menafikan di hadapan umum bahawa beliau pernah menulis surat kepada Datuk Sri Dr. Mahathir supaya buang Tengku Razaleigh daripada kabinet?

Semua orang tahu bahawa Datuk Musa mahu menamat-kan riwayat Tengku Razaleigh dan orang-orangnya. Semua orang tahu bahawa Datuk Musa mahu PM letak jawatan tahun 1987. Semua orang masih ingat yang Tengku Razaleigh bersum-pah akan mengundurkan diri daripada politik jika gagal dalam pertandingan tahun 1981 dan 1984. Semua orang tahu Tengku Razaleigh dan Datuk Musa bermusuhan. Tapi apa sudah jadi sekarang? Tengku Razaleigh tidak tunaikan sumpahnya dan Datuk Musa menjilat kembali lafaz taat setianya.

Semua orang tahu bahawa ada pakatan antara Datuk Musa dengan Tengku Razaleigh. Tetapi Datuk Musa menafikannya. Begitu politik Datuk Musa, bila bersalah, cepat-cepat cuba menyembunyikannya. Beliau menyalahkan akhbar, kononnya memutarbelikan berita mengenai pakatan itu. Tetapi anehnya, Tengku Razaleigh tidak pula menafikannya. Kepada Datuk Musa, regunya dengan Tengku Razaleigh adalah rahsia. Macam dengan surat perletakan jawatannya, dicop sulit, tetapi ahli MKT terima lebih dulu daripada Perdana Menteri. Kalau beliau sayangkan UMNO dan bangsa Melayu, tentulah Datuk Musa tidak sanggup menelan kembali apa yang sudah diluarkannya. Kalau benar-benar tidak setuju dengan PM, letak jawatan dan duduk senyap-senyap. Pemimpin-pemimpin di negara lain tidak seperti Datuk Musa. Hasletine bergaduh dengan Margaret Thatcher dan meletakkan jawatannya secara bermaruah dan tidak pula cuba merosakkan parti dan kerajaan Thatcher.

36 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

Kini Tengku Razaleigh dan Datuk Musa mendakwa pertandingan mereka pada tahun 1981 dan 1984 tidak merosakkan persahabatan mereka. Cuba tanya Datuk Musa berapa kali dia bertemu dengan Tengku Razaleigh antara tahun 1981 hingga beliau meletakkan jawatan? Sebenarnya kedua-dua mereka kembali berjinak dan sering bertemu selepas Datuk Musa letak jawatan. Dalam pertemuan-pertemuan itu mereka berbincang dan mengambil keputusan menjatuhkan Datuk Sri Dr. Mahathir.

Sebelum Datuk Musa dan Tengku Razaleigh berlepas ke Davos, Switzerland, kedua-dua mereka sudah mencapai kata sepakat iaitu Tengku Razaleigh bertanding jawatan Presiden dan Datuk Musa bertanding timbalan. Di Davos, kedua-dua mereka terus merancang. Di Davoslah Datuk Musa mengambil keputusan meletakkan jawatannya apabila kembali ke tanahair (baca buku Ruhaine Ahmad). Mengapakah keputusan meletakkan jawatan dibuat di luar negeri? Selepas pulang dari Davos baru-baru ini, Datuk Musa mengesahkan akan bertanding sebagai Timbalan Presiden.

Tengku Razaleigh dan Datuk Musa berkata UMNO tidak akan berpecah jika semua jawatan parti dipertandingkan. Benarkah dakwaan ini? Datuk Musa dalam surat penjelasannya mengapa beliau meletakkan jawatan menerangkan bahawa beliau sudah bosan dengan politik wang. Beliau tidak sanggup lagi menghadapi perlawanan kerana tidak ada wang. Sekarang mahu lawan adakah kerana sudah banyak wang? Dengan itulah kita lihat orang-orangnya bergerak ke sana ke mari berkempen.

Datuk Shahril Samad, pengurus kempen bagi kedua-dua mereka, kita tahu jarang ada di pejabatnya kerana sibuk berkempen. Apakah ini tidak mengganggu pentadbiran kerajaan dan kestabilan parti? Apakah ini tidak akan memecahbelahkan UMNO? Bila Musa menang dahulu orang Musa mesti pegang jawatan itu jawatan ini, orang Ku Li buang semua. Siapa yang pecahbelahkan UMNO? Jadi dalam UMNO timbullah orang

Musa orang Ku Li. Sesungguhnya tidak ada alasan yang munasabah mengapa pucuk pimpinan sekarang mesti ditukar. Pucuk pimpinan UMNO dan kerajaan sekarang mencapai kejayaan cemerlang dalam pilihanraya lalu, walaupun akhbar asing meramal Umno akan kalah teruk. Terbukti bahawa rakyat menerima kepimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir. Jadi apakah alasannya Datuk Musa dan Tengku Razaleigh mahu menjatuhkan Datuk Sri. Dr. Mahathir?

Tidak siapa yang menyuruh Datuk Musa meletakkan jawatannya. Beliau sendiri yang meletakkan jawatan tanpa berunding dengan siapa. Kalau beliau benar-benar sayangkan UMNO, bangsa dan negara, beliau sepatutnya bersara daripada politik. Malah dalam surat penjelasannya, Datuk Musa berkata sememangnya sudah lama beliau berhasrat bersara. Jika beliau sayangkan UMNO, serahkan saja kepada Datuk Sri Dr. Mahathir dan Encik Ghafar menyelesaikan masalah parti dan negara. Tapi Datuk Musa tidak bercakap benar. Beliau mahu menimbulkan masalah dalam UMNO. Beliau mahu jatuhkan Dr. Mahathir dan Encik Ghafar.

Kedua-dua Datuk Musa dan Tengku Razaleigh sebenarnya dalam kecewa. Tengku Razaleigh kecewa kerana diketepikan daripada menjadi Timbalan Perdana Menteri, manakala Datuk Musa kecewa kerana tidak boleh menjadi Perdana Menteri dengan cepat. Jadi sekarang mereka mesti bersatu menjatuhkan Datuk Sri Dr. Mahathir. Sebab itulah yang haram kelmarin boleh halal hari ini. Padahal kalau Tengku Razaleigh tidak menentang Datuk Musa, beliau sekarang mungkin jadi Timbalan Perdana Menteri. Jadi salah siapa? Tengku Razaleigh yang tidak mahu dengar nasihat.

Kedua-dua mereka sedar bahawa mereka tidak boleh kalahkan Datuk Sri Dr. Mahathir. Bagaimanapun mereka menjangka akan mendapat sokongan lebih kurang 40% dari undi. Ini bermakna Datuk Musa kalah sedikit sahaja kepada Encik Ghafar. Tetapi dengan 40% undi itu Tengku Razaleigh diharap akan terus kekal dalam kabinet. Ini yang mereka mahu. Dengan

harapan mempunyai penyokong yang mencukupi dalam Majlis Tertinggi, kedua-dua mereka berharap Datuk Sri Dr. Mahathir akan menghadapi tekanan yang lebih kuat. Inilah apa yang mereka maksudkan dengan cintakan UMNO.

Cuma yang agak aneh dalam regu Tengku Razaleigh – Musa ini ialah susunannya. Tengku Razaleigh kata dia hendak menumpang tuah Datuk Musa. Biasanya kalau seseorang itu hendak menumpang tuah orang lain, dia mestilah bertanding jawatan yang lebih rendah daripada orang yang hendak ditumpang tuahnya. Ini bermakna Tengku Razaleigh kenalah bertanding jawatan Naib Presiden kerana Datuk Musa bertanding Timbalan Presiden. Kalau Tengku Razaleigh bertanding presiden, ini bukan tumpang tuah lagi namanya. Ini dikatakan tumpang tui.



Ku Li sanggup kompromi dengan Musa untuk kepentingan peribadi



Desperado?



Kuala Lumpur

TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

TOP SECRET - PERSONAL

Y.A.B. Dato¹ Seri Dr. Mahathir bin Mohamed,
Perdana Menteri Malaysia,
Kuala Lumpur.

Spandan G98

TR in the Cabinet

This letter is written with a very heavy heart
and the greatest reluctance.

I did think that you were merely testing TR, quite
confident that he would not accept it, when I learnt of your
offer of the new Ministries to him.

His acceptance of Trade and Industry will carry the
following implications:-

- 1) He shall use it to the full by giving out the
following perks to his followers and would-be
followers - Import permits (cars, materials
etc.), licenses for businesses (MII looks after
Registrar of Companies); licenses and control/
supervision of manufacturing ventures.
- 2) He shall have a very strong hold on the take-
overs, purchases, distributions, approvals over
companies wanting to divest or transfer shares
either ordinarily or to comply to the NEP.
- 3) He shall choose, recommend, suggest Malaysian
(Malay, minor Indian...) partners to foreign
investors wishing to invest in Malaysia.
- 4) He shall control the licensing and supervision
of the distributive trade.
- 5) He shall choose, recommend, suggest names of
individuals for distribution of shares.
- 6) He shall continue to have the support
of the united group but widen it greatly to
the general business (Malay especially) community.
- 7) PATRONAGE should be plenty to those of his choice.
And MIN DITUM: he shall have the greatest opportunity
ever to procure himself for his political future
even better than Finance! Finance only give
him prestige, influence and the ability to give
tenders, licenses, etc. to a very limited top
lucky few who could use their influence
to get support for him.

But MFI would give him direct access to the actual UMNO voters in the widest way ever! Please remember he is not you, Hussein Onn, Tun Dr. Ismail, Memzah or Tengku Din, to mention past Ministers! Just as in finance, he shall politicize the Ministry for his personal interest.

Personally, while in finance he had been very difficult and I could only intervene in the most urgent/ important circumstances. So was it, I believe, with you. In MFI, I would personally be rendered almost ineffective and whatever influence I could already assert on MFI so far, very crucial for NEP etc. shall certainly be blunted whichever way you look at it. But more important, the other Ministers would again have to seek his patronage and well, I cannot possibly go further without being accused by you as going into a tantrum and being irrational!

Before your final decision, I feel it now absolutely doubtbound to remind you of the above. Personally, even though I never had done this before, with the greatest respect, I would like to register my strongest views against TR's appointment at MFI.

Assuming that you go ahead with the appointment, I would have to revise my own plans in a much hastier manner; which I would like to discuss with you after the announcement.

I would like vehemently to assure you that I have no intention of upsetting your administration and, as I said beginning this letter, I am doing this with a heavy heart. I am sure that events in the coming years will prove me right. For God's sake, do ponder over my points and do remind yourself of the type of personality you are dealing with.

Again, God Bless us all. God Bless you.

Sincerely



(DATO MUSA HITAM)

5 July, 1984.

Dolah Badawi dan BTN

oleh Dr. Muhammad Azree

NAMPAKNYA banyak penulis telah membicarakan soal pemilihan pucuk pimpinan UMNO yang akan datang. Ada di antara mereka telah cuba menyelami sebab-sebab kenapa UMNO sekarang menghadapi saat yang paling gawat dalam sejarahnya. Saya rasa UMNO tidak pernah menghadapi masalah sebesar yang dihadapinya sekarang. Walaupun banyak orang mengatakan ujian yang dihadapi oleh UMNO selama ini adalah juga berat tetapi ia tidak seperti yang dialami sekarang ini. Apakah punca dan asal usulnya perebutan yang berlaku kini? Apakah ianya berlaku dengan mendadak sahaja? Sudah pasti tidak! Apa yang berlaku sekarang ialah hasil perancangan yang berjalan beberapa tahun sudah dan ini diakui sendiri oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad dalam satu wawancara dengan akhbar asing baru-baru ini.

Sebenarnya perebutan yang paling sengit dalam UMNO ini adalah hasil dari perancangan yang rapi yang dilakukan oleh dua orang pemimpin utama yang mempunyai cita-cita besar untuk memimpin negara ini iaitu Datuk Musa Hitam dan

Datuk Abdullah Badawi. Datuk Musa Hitam bercita-cita hendak menjadi Perdana Menteri dan begitu juga dengan Datuk Abdullah. Mereka tidak dapat menunggu lama kerana kemungkinan Tengku Razaleigh (mengikut perkiraan mereka ketika itu) akan menghalang cita-cita mereka. Keadaan menjadi makin serius dengan kemasukan Anwar Ibrahim. Mereka sangat mengenali Anwar, seorang yang sangat lincah dan amat berbakat dalam politik. Kalau ditunggu lama, sama ada Tengku Razaleigh atau Anwar akan menamatkan kerjaya politik mereka. Untuk menyekat peluang Tengku Razaleigh dan kemudiannya Anwar dari menduduki jawatan Perdana Menteri pemimpin yang ada sekarang, Dr. Mahathir mestilah diketepikan dengan cepat. Walaupun Dr. Mahathir ini bukan dianggap musuh bahkan kawan (ketika itu Dr. Mahathir kuat menyokong Datuk Musa Hitam dan Datuk Abdullah) tetapi Dr. Mahathir merupakan penghalang kepada mereka untuk naik ke atas. Mahu tidak mahu Dr. Mahathir mesti diketepikan secepat mungkin. Untuk menghapuskan Dr. Mahathir adalah tugas yang harus dimainkan oleh semua pihak.

Salah satu pihak yang boleh dipertanggungjawabkan untuk memainkan peranan itu kerana ketaatan yang luar biasa (khususnya) kepada Datuk Abdullah Badawi dan (amnya) Datuk Musa ialah Biro Tatanegara atau dengan lebih popular lagi BTN.

BTN telah ditubuhkan dalam tahun 1970an dengan satu matlamat utama iaitu menyekat kemaraan kelompok Islam di kampus-kampus yang nampaknya bukan sahaja mula menguasai kampus-kampus tersebut tetapi telah memberi pukulan maut kepada kumpulan pelajar yang beraliran nasionalis yang disokong oleh UMNO. Pada perkiraan UMNO ketika itu sekiranya kelompok Islam yang banyak dipengaruhi oleh ABIM dan Anwar Ibrahim (ketika itu faktor PAS tidak begitu penting) tidak disekat/bendung, dalam masa yang singkat sahaja UMNO akan kehilangan sokongan cerdik pandai Melayu. Jadi suatu tindakan mestilah dilakukan dan jawapan yang terbaik-baiknya ialah penubuhan BTN. Sekumpulan pegawai kerajaan telah

dipilih (selected) untuk berkhidmat dengan BTN dan orang yang bertanggungjawab secara langsung memilih pegawai-pegawai tersebut ialah Abdullah Badawi, yang ketika itu menjadi Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, Belia dan Sukan (KKBS). Beliau diberi tugas tersebut atas sifatnya sebagai satu-satunya pegawai kerajaan yang terlalu pro UMNO. Pegawai-pegawai ini telah diberi latihan yang luas dan mendalam dalam bidang perang urat-saraf (*psy-war*) dan cara-cara mengalah pihak musuh. Mereka dilengkapi dengan segala maklumat negara untuk membolehkan mereka menyerang kampus-kampus dan memenangkannya kumpulan nasionalis di kampus-kampus tersebut.

Dengan tenaga yang cukup dan bantuan kewangan yang tiada had (*unlimited budget*), BTN telah betul-betul menjadi satu kekuatan (*force*) yang terpaksa diambil kira. Mereka telah mengguna semua cara-halal atau haram dari segi agama - untuk memenangi hati pelajar-pelajar. Beberapa pelajar yang dirasakan boleh dijadikan pemimpin gerakan nasionalis telah dilatih dengan harapan mereka dapat menguasai kampus. Apabila tamat universiti, pemimpin-pemimpin pelajar ini dipas-tikan diberi kerja dalam jabatan-jabatan yang strategik untuk meneruskan usaha-usaha yang mereka jalankan semasa menjadi pelajar dulu. Ada terdapat bekas pemimpin belajar yang selepas setahun menjadi pegawai tadbir dan diplomatik (PTD) terus dihantar ke luar negeri menjadi Atase pelajaran di Jabatan Penuntut Malaysia dengan satu tugas utama : iaitu menyekat kemaraan Islam di kalangan pelajar Melayu di luar negeri.

BTN tidak selamanya berada di KKBS. Ia telah dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri dan diletakkan di bawah pengawasan Datuk Musa dan Datuk Abdullah Badawi. Oleh kerana pada masa itu Dr. Mahathir amat rapat dengan Datuk Musa dan tidak mengesyaki sebarang perancangan di belakangnya, Dr. Mahathir tidak mengambil kisah tentang fungsi dan aktiviti BTN. Dengan kata lain Datuk Musa dan Datuk Abdullah, yang menjadi Menteeeri di Jabatan Perdana

46 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

Menteri ketika itu, telah menggunakan BTN semaksima mungkin untuk tujuan politik mereka. Dalam kes politik kampus dalam negeri, BTN tidak begitu lagi aktif kerana Anwar telah memasuki UMNO dan apa yang berlaku di kampus-kampus bukan lagi UMNO lawan/vs ABIM & Anwar Ibrahim/ABIM lawan/vs PAS. BTN mulai mengalih pandangan dan tumpuan.

Sasarannya sekarang ialah pelajar-pelajar luar negeri khususnya pelajar-pelajar yang terlibat dalam kelab UMNO dan kelompok-kelompok tertentu dalam negeri. Ia mulai menukar haluan dari objektif asal iaitu memastikan pelajar-pelajar dalam kampus tempatan mendokong UMNO. Dengan kemasukan Anwar ke dalam UMNO, BTN sepatutnya ikut membantu Anwar untuk menyaingi perkembangan pengaruh PAS kerana pengaruh PAS mulai menjalar ke kampus-kampus selepas pilihanraya 1982. Tambahan pula kalau pengaruh Anwar di kampus-kampus dapat dipertahankan, yang untung ialah UMNO kerana Anwar kini berada dalam UMNO dan kuat mempertahankan dasar-dasar UMNO. Tetapi hal ini tidak terjadi kerana Anwar telah menjadi sasaran fitnah dan kecaman pegawai-pegawai BTN dahulu (semasa Anwar berada dalam ABIM) dan keduanya, tuan-tuan politik (*political masters*) pegawai-pegawai BTN ini iaitu Datuk Musa dan Datuk Abdullah tidak membenarkan BTN menyalur bantuan kepada Anwar untuk mengalahkan PAS. Sekiranya hal ini berlaku Anwar akan mendapat kredit. Oleh yang demikian bukan sahaja Anwar tidak akan dibantu bahkan hal yang tidak patut berlaku kepada seorang timbalan menteri kerajaan Malaysia telah terjadi kepada Anwar Ibrahim.

Apabila beliau dilantik menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Anwar telah dinasihatkan oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir supaya di samping menjaga hal ehwal agama beliau turut membiasakan diri dengan pentadbiran negara dengan melawat semua jabatan-jabatan di Jabatan Perdana Menteri. Anwar telah melawat dan mendapat taklimat dari hampir semua jabatan-jabatan besar di JPM tetapi apabila sampai kepada BTN beliau diberitahu bahawa pegawai-

pegawai BTN tidak mahu berjumpa dengannya. Cubalah bayangkan pegawai kerajaan berani mengambil sikap seperti itu terhadap seorang Timbalan Menteri! Sebenarnya mereka berani berbuat demikian kerana mereka telah mendapat nasihat dari Datuk Abdullah Badawi sendiri.

Apabila Datuk Abdullah berpindah ke Kementerian Pelajaran, atas desakan Datuk Musa, BTN, dibenarkan dipindahkan ke Kementerian Pelajaran. Dr. Mahathir, seperti yang dinyatakan di atas tidak begitu kesah tentang hal itu kerana Datuk Musa masih dianggap sebagai kawan setianya. Datuk Abdullah telah berpindah ke Kementerian Pelajaran selepas kemenangan Datuk Musa dalam pertandingan kali kedua melawan Tengku Razaleigh.

Scenario politik mula berubah apabila Tengku Razaleigh dikekalkan menjadi Menteri Perdagangan dan Perusahaan. Kalau Tengku Razaleigh disisihkan daripada menjadi menteri, Datuk Musa sanggup bersabar menunggu gilirannya. Selama mana Dr. Mahathir ingin menjadi Perdana Menteri tidak menjadi persoalan bagi Datuk Musa tetapi Tengku Razaleigh dikekalkan dalam kabinet baginya bahaya jelas kelihatan di hadapan. Datuk Musa tahu Tengku Razaleigh akan mengguna seluruh kekuatan dan sumber daya (*resources*) yang ada pada kementerian itu untuk menyekat peluang Datuk Musa menjadi Perdana Menteri. Jadi sesuatu mestilah dilakukan dan apabila Tengku Razaleigh nampak gayanya tidak mungkin digugurkan dari kabinet, orang yang seharusnya dijadikan sasaran ialah Dr. Mahathir atau PM itu sendiri.

Tetapi untuk menjatuhkan PM bukanlah suatu yang senang. Usaha dan perancangan mestilah dilakukan ke arah itu. Seluruh kekuatan – fikiran, tenaga, jentera kerajaan – mesti digembelinkan. Datuk Abdullah, pengikut setia Datuk Musa yang sangat disayangi oleh pegawai-pegawai BTN telah mengarahkan supaya kumpulan sasar diperbanyakkan dan diperluaskan dan pegawai-pegawai BTN melipat-gandakan usaha mereka. Kali ini orang yang akan dijatuhkan ialah PM sendiri dan tokoh-tokoh yang dianggap rapat dengan PM dan menjadi

penghalang kepada Datuk Musa dan Datuk Abdullah iaitu Anwar Ibrahim, Daim dan Sanusi Junid. Perang urat saraf (*psy-war*) mula dilancarkan terhadap mereka.

Pegawai-pegawai BTN mula dihantar ke tempat-tempat strategik sebaik sebelum Datuk Abdullah ditukarkan ke Kementerian Pelajaran. Sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga Jabatan Perkhidmatan Awam, beliau boleh memastikan pegawai-pegawai ditukar ke sana sini. Beberapa orang kuatnya telah ditukar memegang jawatan-jawatan penting seperti Timbalan Pengarah Jabatan Penuntut dan Atace pelajaran di luar negeri. Di sana mereka bukanlah sangat membuat kerja pentadbiran di jabatan-jabatan itu tetapi lebih menumpukan masa mempengaruhi kelab-kelab UMNO supaya menjadi pro Musa & Abdullah.

Di London sebagai contoh, dengan peranan yang dimainkan oleh Shagul Hamid (orang kuat Datuk Abdullah yang ditukarkan ke sana satu hari selepas Datuk Abdullah memenangi jawatan Naib Presiden UMNO kelab UMNO London mengambil sikap anti Dr. Mahathir, Sanusi, Anwar & Daim yang begitu kuat sekali. Secara terbuka ketua kelab UMNO, Datuk Rais memaki Dr. Mahathir kerana melantik Datuk Sanusi menjadi Setiausaha Agung UMNO. Kalau Datuk Musa, Datuk Abdullah atau lain-lain menteri yang dianggap berada di dalam kem yang sama melawat London dan ingin berceramah, pihak Jabatan Penuntut akan melekatkan poster-poster di merata tempat menghebohkan program itu. Bukan itu sahaja, mereka juga akan menghubungi dengan telefon pelajar-pelajar yang mempunyai telefon supaya menghadiri perjumpaan itu. Tetapi kalau Anwar Ibrahim pergi ke London dan memberitahu Jabatan Penuntut hasratnya ingin berceramah kepada pelajar-pelajar hanya satu poster sahaja dilekatkan di Malaysia Hall. Tetapi oleh kerana karismanya, Anwar tetap menjadi "crowd-puller".

Di tanahair pula pegawai-pegawai BTN telah mengadakan latihan dari masa ke semasa dan anggota-anggota sasar yang mengahdirinya ialah pemimpin parti peringkat cawangan

dan bahagian, pegawai-pegawai kerajaan dan pensyarah-pensyarah universiti. Dalam ceramah-ceramah itu mereka cuba menonjolkan "kelemahan" Dr. Mahathir, Anwar dan lain-lain. Bahkan usaha mencemuh Dr. Mahathir dan Anwar dilakukan tanpa segan-silu lagi. Banyak fakta telah diselewengkan. Sebagai contoh semasa bertemu dengan ketua-ketua parti peringkat cawangan mereka diberitahu petani-petani tidak akan maju kerana amalan rasuah yang berlaku dalam LPN dan menteri yang bertanggungjawab dalam bidang pertanian telah terlibat. Fakta-fakta yang dipalsukan telah diberikan. Mereka yang menghadiri ceramah itu mudah mempercayainya. Mereka tidak diberitahu bahawa LPN bukan berada Kementerian Pertanian tetapi gambaran yang diberikan ialah Menteri Pertanian (ketika itu Anwar) adalah korup.

Kempen *psy-war* ini menjadi lebih kencang lagi sehingga berbagai-bagai istilah diperkenalkan bagi melemahkan Dr. Mahathir. Istilah MAD (Mahathir, Anwar, Daim) dan AIDS (Anwar Ibrahim, Daim dan Sanusi) dihebohkan sehingga orang ramai mulai mempersoalkan tentang kecekapan pentadbiran Mahathir.

Apabila Datuk Musa meletak jawatan dan Datuk Abdullah tidak lagi menjadi Menteri Pelajaran, BTN telah dipindahkan kembali ke JPM dan diletak di bawah pengawasan Datuk Khalil. Sekarang ini apabila Datuk Khalil menjadi MB Pahang, BTN dijaga oleh Raja Ariffin, Setiausaha Parlimen. Tetapi suatu hal yang menarik ialah Dr. Mahathir, setelah mengetahui aktiviti BTN ini masih mengambil sikap berlapang dada dan terlalu memaafkan. Pegawai-pegawai BTN yang terlalu patuh (*loyal*) kepada Datuk Abdullah telah tidak ditukarkan ke tempat lain dan mengikut maklumat secara senyap-senyap masih ada di antara mereka yang berkempen untuk kem Musa-Razaleigh – Abdullah Badawi.

Sesungguhnya yang menghancurkan UMNO hari ini ialah penyalahgunaan BTN oleh Datuk Abdullah Badawi khususnya dan Datuk Musa amnya. Orang yang bertanggungjawab secara langsung (*direct*) pada BTN iaitu Datuk Abdullah telah

menggunakan BTN untuk kepentingan politik peribadinya. Beliau jelas sekali menggunakannya dengan cekap sehinggalah dalam perbualan-perbualan dengan penyokong-penyokongnya, Tengku Razaleigh ada memberitahu betapa beliau terhutang budi kepada Datuk Abdullah yang banyak membantu kelicinan kempen beliau dalam pertandingan UMNO kali ini. Walaupun beliau tidak menyebut BTN tetapi yang dimaksudkannya ialah pegawai-pegawai BTN yang begitu terlatih dan sudah lama menjalankan kerja persiapan akan mempermudah kemenangan kem Razaleigh-Musa.

BTN yang asalnya ditubuhkan untuk membantu UMNO menghadapi cabaran aliran Islam di kampus dalam negeri dan kemudiannya digunakan semaksima mungkin oleh Datuk Abdullah khususnya dan Datuk Musa amnya adalah bertanggungjawab kepada angkara politik yang dihadapi sekarang. Pegawai-pegawainya yang dibela dan diberi pangkat dan kemudahan dan mempunyai kepentingan diri adalah bertanggungjawab kepada umat dan bangsa Melayu di atas peranan dan sumbangan mereka membantu meruntuhkan kepimpinan Melayu di tanah air tercinta ini.



Sayalah yang dulu! Mana boleh orang lain! Datuk Dollah gunakan BTN untuk cari pengaruh. Gaya ada, tapi

Oleh Abib

BARANG SIAPA TAK
UNDI AKU DI PERHIMPUNAN
AGUNG PARTI NANTI...



AKU AKAN SURUH EMAM
AKU HANTAR HANTU RAYA
KE RUMAH DIA !



Kacamata Najib ini berkabus, tak jelas. Diam-diam sokong Musa-Ku Li. Suruh Anwar bertanding Naib supaya dia dapat Ketua Pemuda. Bijak! Bijak!

Lakonan Politik Orang-orang Kecewa

oleh Sudirman Hj. Ahmad

SETELAH mengikuti siri-siri pertemuan Musa – Ku Li dalam “Forum Perpaduan” dan beberapa perjumpaan tertutup yang lain, nyatalah bahawa kebanyakan isu-isu yang mereka tohmahkan hanyalah merupakan isu yang diada-adakan dan diperbesar-besarkan untuk menutup apa yang sebenarnya tersirat di dada mereka. Sebahagian besar daripada tuduhan terhadap Dr. Mahathir seperti kemelesetan ekonomi, jambatan Pulau Pinang, Proton Saga, Dayabumi, Pandang ke Timur, rumah PM, sikap diktator, keturunan India-Muslim, Mr. 10%, gila kuasa, penganguran, bawa “dewa dari langit” masuk UMNO dan “perubahan” oleh kumpulan Musa – Ku Li kini semakin ketara kepalsuan dan pemesongannya. Semua hujah-hujah itu digembar-gemborkan untuk menyedapkan syarahan dan menaikkan semangat penentangan “secara besar-besaran” terhadap pucuk pimpinan parti dan negara, tanpa sandaran bukti-bukti yang konkrit dan jelas.

Itu bukanlah isu sebenar bagi mereka. Isu sebenarnya ialah politik kepentingan diri dan kekecewaan peribadi.

54 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

Mereka kecewa kerana kepentingan mereka kononnya telah tergugat dan terhalang oleh pucuk pimpinan parti sekarang. Oleh kerana agak ramai juga orang-orang yang kecewa kerana tidak mendapat tempat dalam parti dan kerajaan, maka terbentuklah kumpulan orang-orang politik yang kecewa atas nama "Musa-Ku Li Group". Suasana kemunculan Musa – Ku Li dianggap berbetulan dan merupakan saat yang tepat bagi mereka untuk sama-sama meledakkan perasaan kecewa dan marah yang telah terpendam sejak sekian lama.

Tetapi dari satu segi, kumpulan Musa – Ku Li ternyata gagal untuk melihat Dr. Mahathir melatah. Ada penulis mengatakan Datuk Musa seorang yang "tenang dan gelora". Tetapi kini Datuk Musa "tenggelam dalam geloranya sendiri". Orang lain tidak apa-apa, dia sibuk ke sana ke mari mencanangkan fitnah dan memutarbelitkan isu. Malah nampaknya Dr. Mahathir kini lebih tenang daripada Datuk Musa sendiri. Ini kerana Dr. Mahathir bukan baru dalam pergolakan politik seumpama ini. Sudah tentulah beliau tahu bagaimana hendak mengatasi dan menyelesaikannya kelak.

Kerana marahkan nyamuk kelambu dibakar. Itulah peribahasa dan pepatah yang tepat untuk kumpulan ini sekarang. Kerana kepentingan diri dan rasa kecewa mereka sanggup memusnahkan perpaduan parti dan perjuangan bangsa yang selama ini mereka dokong. Apakah sikap dan aksi mereka selama ini hanya satu kepura-puraan, berselindung dan berlakon atas nama perjuangan bangsa dan agama, tetapi sebaliknya berjuang untuk kepentingan diri dan konco-konco sendiri?

Kekecewaan yang mereka alami boleh disenaraikan satu persatu, bermula daripada kekecewaan kerana tidak mendapat tempat dalam pemilihan calon pilihanraya hinggalah kepada kegagalan untuk mendapatkan kontrak-kontrak dan pinjaman yang besar-besar. Paling ketara ialah kekecewaan mereka terhadap sikap Dr. Mahathir yang memberikan laluan mudah untuk naik dalam parti dan kerajaan kepada beberapa orang pemimpin muda, khususnya Anwar Ibrahim. Mereka irihati

melihat "dewa turun dari langit" (meminjam kata-kata Datuk Rais Yatim) mendapat kedudukan yang tinggi dalam masa yang begitu singkat, sehingga kononnya harapan mereka untuk terus meningkat dalam parti dan kerajaan agak terbantut.

Datuk Musa, Tengku Razaleigh, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Shahrir Samad, Datuk Rais Yatim dan beberapa orang lagi memang merasa kecewa atas sikap Dr. Mahathir ini. Bagi mereka Anwarlah yang akan menghalang pengaruh mereka di masa akan datang. Ini ditambah dengan kekuatan karismatik kepimpinan Anwar yang sukar hendak dinafikan. Pelajar-pelajar sekolahpun kalau ditanya tentang siapakah orang yang layak memimpin negara di masa akan datang menyebut nama Anwar Ibrahim. Inilah sebenarnya yang menghantui kumpulan Musa – Ku Li!

Bukan itu sahaja kekecewaan mereka terhadap Dr. Mahathir. Ada banyak lagi. Datuk Musa marah dan kecewa kerana Dr. Mahathir masih enggan menerima tuntutan supaya Tengku Razaleigh digugurkan dari Kabinet. Tengku Razaleigh marah dan kecewa kerana Dr. Mahathir menyebelahi Datuk Musa dalam dua pemilihan Timbalan Presiden sebelum ini. Dasar-dasar baru Dr. Mahathir yang lebih cenderung ke Timur dan kritikal terhadap Barat dianggap boleh menggugat kepentingan hubungan rakan-rakan "business man" Musa – Ku Li dengan negara-negara Barat.

Datuk Abdullah tidak syak lagi cemburu dan irihati dengan Anwar kerana rakan senegerinya inilah satu-satunya tokoh yang mampu menyaingi pengaruh dan kepopularitiannya dalam parti dan kerajaan serta di kalangan orang ramai. Datuk Shahrir, Datuk Ajib, Datuk Rais, Datuk Kadir, Datuk Radzi, Datuk Zainal Abidin Zin dan Hj. Ibrahim Ali pun sama. Mereka marah dan kecewa kerana Dr. Mahathir menaikkan orang yang lebih junior daripada mereka.

Marina Yusof (pejuang *woman lib*) marah-marah dan melatah kerana permohonannya menjadi senator dan mendapatkan pinjaman bagi menutup masalah kewangannya

ditolak. Datuk Harun Idris kecewa dengan Dr. Mahathir kerana tidak diberikan tempat sebagai calon pilihanraya sejak tahun 1982, walaupun beliau adalah yang menjadi pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Calon Pilihanraya Peringkat Negeri Selangor ketika itu. Datuk Kamaruzzaman Hj. Ahmad dan Fahmi Ibrahim kecewa kerana impian mereka untuk menjadi Menteri Besar Selangor tidak kesampaian. Datuk Adib Adam kecewa kerana diketepikan daripada Kabinet.

Datuk Suhaimi Kamaruddin kecewa kerana gagal merebut jawatan Ketua Pemuda. Begitu juga dengan Syed Hamid Albar. Dan macam-macam jenis kekecewaan lagi oleh macam-macam jenis pemimpin yang sudah mulai malap pengaruhnya.

Kumpulan Musa – Ku Li tidak keseorangan. Yang kecewa bukan mereka sahaja, tetapi juga beberapa kalangan tauke-tauke dan orang-orang besar tertentu yang berkepentingan. Orang-orang inilah yang menjadi dalang memberikan bantuan kewangan dan kemudahan kepada kumpulan Musa – Ku Li. Ini kerana era pemerintahan Dr. Mahathir menyusahkan “business” mereka. Tidak hairanlah kalau politik wang berleluasa dalam UMNO sekarang. Dan tidak hairan jugalah jika tidak ada sesiapa pun yang sanggup membuat aduan dan menunjukkan bukti kepada Jawatankuasa Etika kerana gelap mata menerima \$100, \$1,000 atau \$10,000!

Kumpulan Musa – Ku Li mahukan perubahan supaya kedudukan mereka di kembalikan semula seperti sebelum ini. Tetapi mereka nampaknya lupa kepada masa dan keadaan yang juga sudah berubah. Kepimpinan mereka tidak sesuai dan tidak diperlukan lagi pada masa akan datang. Jelasnya negara tidak memerlukan pemimpin-pemimpin yang gelojoh, berkepentingan dan kecewa di masa akan datang. Negara mahukan pemimpin yang berkaliber, matang, berani dan bersih bagi menghadapi cabaran-cabaran besar menjelang tahun 2000.

Dr. Mahathir adalah pemimpin yang mempunyai pandangan jauh (*vision*) yang jelas bagi masa depan bangsa dan agama.

Hal ini umpamanya diakui oleh Prof. Datuk Ismail Hussein, seorang tokoh intelektual dan pemikir yang terkenal dalam ucapannya di Majlis Makan Malam Gapena 3 April lalu:

"Dalam masa yang cukup singkat bangsa kita nampaknya sudah berjaya membina sebuah negara yang cukup membanggakan di rantau Asia Tenggara. Malaysia terbentuk sebagai satu gagasan ekonomi dan gagasan politik serta demokrasi yang agak luar biasa, iaitu jikalau dibandingkan dengan negara-negara lain di sekitar. Dan kita sudah cukup lantang menafikan perpecahan dan sebaliknya kita berjaya membendung dinamik masyarakat majmuk kita menjadi satu kesatuan yang gigih. Dan ini semua tentulah lantaran kebijaksanaan yang tinggi daripada pemimpin kita sendiri. Tunku Abdul Rahman selama tiga belas tahun memandu kita dalam zaman warisan kolonial yang amat pincang dan sulit, ditanda oleh tarik-menarik dan tawar-menawar yang panjang dan akhirnya kita dikejutkan oleh realiti yang getir. Tetapi asas perpaduan yang dibina oleh bapa kemerdekaan kita itu begitu kuat, letusan tragedi 1969 itu tidak menghancurkan kita, malah sebaliknya memperkuatkan keazaman kita semua bagi membina dekad tujuh puluhan yang gagah".

"Dan barangkali bukanlah satu takdir sejarah apabila buku Dr. Mahathir, "The Malay Dilemma", yang diterbitkan dalam tahun 1970 memulakan serta meletakkan suasana bagi zaman pembangunan selanjutnya. Dan seluruh sejarah negara kita kemudiannya dikuasai dan diwarnai oleh dua peribadi yang gigih – yang satu anak bangsawan yang berjiwa rakyat, yang lain amak rakyat yang punyai visi (*vision*) serta daya intelektual seorang bangsawan. Yang satu seorang pemimpin dan seorang perencana yang meletakkan dasar-dasar ekonomi, kebudayaan, bahasa dan pendidikan nasional yang amat kukuh – yang lain seorang *workaholic*, seorang doktor yang nampaknya tidak mengerti mengapa semua orang tidak harus bekerja tekun sepertinya dari 8 pagi hingga 5 petang".

"Beliaulah yang akhirnya merealisasikan sebahagian besar daripada impian Allahyarham Tun Abdul Razak bukan sahaja

menukarkan etika kerja kita, tetapi juga memberi dimensi moral yang cukup tinggi dan visi ekonomi yang amat hebat. Di bawah pimpinannya *landscape* kota kita itu berubah dengan cepat dan menjadi lebih nasional sifatnya, manakala desa-desa kita juga sedang mengalami transformasi yang hampir-hampir tiada hujungnya. Akan Perdana Menteri kita yang ketiga, beliau rupa-rupanya tidak pernah ingin menekankan peribadinya ke atas sejarah negara, sebagai militer yang tulen, beliau berpuashati sekadar menjadi penahan tradisi dan penyambung sejarah yang amat setia dan berwibawa".

"Jelaslah di dalam diri bangsa kita itu sedia ada kekuatan yang amat sangat dan jikalau sekali-kala ada gangguan-gangguan sejarah, terutama dari generasi muda yang sedikit agresif, maka ini barangkali tak dapat kita elakkan. Kelembapan ekonomi dunia sekarang dengan sendirinya melahirkan frustrasi yang luas di kalangan ratusan ribu orang kaya baru dan orang pandai baru yang kita sendiri bina dengan penuh kecintaan melalui Dasar Ekonomi Baru. Dan kelantangan bersuara yang ketara sekarang adalah timbul dari kejujuran pucuk pimpinan kita sendiri yang inginkan satu dialog intelektual yang terbuka. Tetapi saya kuat percaya dengan contoh kebijaksanaan kepimpinan seorang bapa yang sabar lagi memaafkan, generasi muda kita itu dengan cepat akan menyerapkan dirinya dalam kebesaran jiwa bangsa kita yang sedia ada"

Itulah sebabnya kenapa Anwar Ibrahim, seorang anak muda yang tegas dan berwibawa dibawa masuk menyertai UMNO. Dr. Mahathir tidak yakin peribadi-peribadi yang gelojoh, berkepentingan dan kecewa terlalu ditonjolkan kerana ia akan menggugat kedudukan bangsa dan agama. Bagi Dr. Mahathir, membawa masuk Anwar bukan satu kebetulan, tetapi satu kewajaran dan satu keperluan, bukan sahaja bagi masa depan parti, tetapi juga bagi masa depan bangsa dan agama serta negara. Sesungguhnya Anwarlah yang dapat menjadi ganti dan penebus maruah bangsa Melayu dan agama Islam di tangan UMNO yang sudah semakin terhakis dan terkikis akibat per-

mainan politik kotor orang-orang kecewa dan tekanan arus masakini.

Oleh itu, nyatalah kepada kita bahawa kumpulan tersebut hanyalah "artis-artis" yang melakonkan aksi-aksi drama pentas politik kepentingan diri dan kekecewaan peribadi atas nama *Musa – Ku Li Group* tajaan tauke-tauke dan orang-orang yang berkepentingan. Bermutu atau tidak drama lakonan tersebut akan sama-sama dapat dinilai tidak lama lagi.

Ahli-ahli UMNO yang menjadi perwakilan kali ini tentulah sudah matang untuk membuat penilaian. Mereka adalah orang-orang yang dapat memahami untuk membuat penilaian. Mereka adalah orang-orang yang dapat memahami realiti dan masa depan bangsa dan agama. Mereka tidak mudah ditipu begitu sahaja. Mereka sudah kenal yang mana kaca yang mana intan. Tetapi, kadangkala, ada juga yang merasa diri sudah terlalu bijak lantas tetap memilih kaca yang menyerupai intan supaya mereka dapat menipu orang lain dan menjualnya semula dengan nilai harga sebutir intan semata-mata untuk kepentingan peribadi sendiri. Lalu, siapakah yang rugi dan siapakah yang untung?



Mazlan Harunpun ikut sokong Musa, konon menyambung perjuangan Datuk Harun.



Ini dia wajah orang yang gelisah. Ada orang buat joke,
dia bakar jambatan, rupa-rupanya Datin Maznah
tertinggal di seberang! (Selamat bersara).



Datin Paduka Rafidah Aziz dan Datin Paduka Zaleha Ismail sokong Dr. Mahathir , Cahfar Baba dan Anwar. Rahmah tak tetap pendirian. Dulu sokong Mahathir, sekarang sokong group Musa. Selepas ini siapa pula?

Pertentangan Aliran dan Survival Bangsa

oleh Sudirman Hj. Ahmad

MELIHAT dan meneliti kepada komitmen hampir satu per dua daripada 14 menteri Kabinet dan tiga orang timbalan menteri yang memihak kepada pakatan Musa – Ku Li, pertentangan atau krisis peribadi dan kepentingan bersama itu kini seolah-olah mencetuskan pertembungan dua aliran yang berlainan arah dalam parti orang Melayu yang terbesar itu. Dua aliran yang dimaksudkan itu ialah kumpulan Musa – Ku Li yang kononnya mendokong faham kebangsaan (nasionalisme) tulen dan kumpulan Dr Mahathir yang mewakili cita-cita Islam dengan segala ciri-ciri dan kemampuannya dalam Umno.

Regu Musa – Ku Li juga nampaknya bersatu atas dasar "persamaan tujuan" untuk menjatuhkan Dr Mahathir dengan bersebelang disebalik premis "kebangsaan tulen demi perjuangan bangsa". Mereka cuba menyembunyikan motif asal untuk "kepentingan bersama", berkompromi kononnya untuk mengembalikan tradisi Umno sebelum ini. Apabila kumpulan Musa – Ku Li berhujah untuk mengembalikan tradisi Umno di zaman Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak, mereka

64 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

sebenarnya merujuk kepada aliran yang didokong oleh kedua-dua tokoh itu.

Secara lebih terang lagi, aliran yang dimaksudkan ialah dari segi pendekatan mereka terhadap agama Islam. Kumpulan Musa – Ku Li sebenarnya mahu mengekalkan gaya dan imej Islam di zaman Tunku dan pengikut-pengikutnya sesudah itu. Aliran Islam seumpamanya sesudah itu. Aliran Islam seumpama itu amat terbatas ruang-lingkupnya kepada soal-soal ibadat (*ritual*) dan upacara-upacara tertentu yang memang selaras dengan aliran dan pendekatan Islam yang kini didokong oleh kumpulan Musa – Ku Li.

Islam dalam tafsiran yang sempit itu tidak akan menggugat sesiapa, hatta pemimpin-pemimpin yang menyeleweng dan tidak berakhlak. Dalam hal ini, semua orang tahu bahawa kumpulan Musa – Ku Li yang lebih teruk. Ini berdasarkan kepada beberapa pendedahan yang konkrit dan bukti-bukti yang nyata oleh penulis-penulis buku politik Umno sebelum ini. Itu pun masih banyak lagi belum dibongkar. Tulisan-tulisan dan siaran gambar-gambar itu nampaknya belum dapat dijawab dan dinafikan oleh Musa – Ku Li. Dalam dunia penerbitan dan media massa, sekiranya sesuatu itu tidak dijawab atau dinafikan secara terbuka dan konkrit (bukan sekadar sumpah-sumpah Al-Quran secara sambil lewa), ia tetap sah dan dapat dipakai sebagai rujukan.

“Kurang Ajar”

Dalam falsafah budaya Melayu, perangai menunjukkan budi. Jelasnya percakapan, tingkah laku dan amalan seseorang itu mencerminkan sikap dan pendiriannya. Orang Melayu terkenal dengan sikap berbudi bahasa dan lemah lembutnya. Tetapi Datuk Musa mempunyai pendirian yang berbeza. Beliau adalah orang pertama yang menyarankan supaya orang Melayu bersikap “kurang ajar” jika mereka ingin maju.

Hujah Datuk Rais Yatim bahawa tujuan Datuk Musa itu hanyalah untuk menggiatkan semangat orang Melayu supaya

lebih progresif tidak tepat sama sekali. Orang Melayu tidak perlu bersikap "kurang ajar" kerana mereka mempunyai saluran dan masih mempunyai ruang untuk membuat teguran secara beradab dan membina jika inginkan kemajuan. Sikap "kurang ajar" yang cuba dikembangkan oleh Datuk Musa ini bukan asalnya daripada budaya Melayu, malah ia jelas bertentangan dengan ajaran agama Islam yang menjadi darah daging dan identiti bangsa Melayu selama ini. Barangkali sikap kurang ajar kerana kurang sabar itu ada pada Datuk Musa sendiri.

Kumpulan Musa – Ku Li juga seolah-olah turut menentang dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam atas dua sebab. Pertama, Musa – Ku Li dan orang-orangnya tidak pernah menyokong dan jauh sekali mendokong dasar itu secara terbuka. Kedua, mereka jugalah antara orang-orang kerajaan yang mengkritik dasar-dasar kerajaan pimpinan Dr Mahathir, termasuklah Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam, Dasar Bersih, Cekap dan Amanah dan Kepemimpinan Melalui Teladan melalui ucapan-ucapan sinis mereka di mana-mana. Isu Muzakarah Umno – Pas misalnya cuba ditenggelamkan oleh kumpulan Musa – Ku Li sebab mereka sedar jika ia menjadi kenyataan, apalagi menjelang pemilihan Umno kali ini, ia pasti akan menguntungkan regu Dr Mahathir.

Secara tidak langsung, pertentangan kedua-dua aliran ini juga dibayangi oleh ketakutan mereka (Musa – Ku Li) terhadap diri sendiri. Merekalah yang berkempen mahukan satu "perubahan secara besar-besaran" sekiranya "kumpulan kami" menang nanti. Perubahan apakah yang mereka maksudkan selain daripada perubahan dasar-dasar itu?

Bukankah Tunku sendiri pernah berkata bahawa Umno sekarang sudah menyimpang daripada haluan dan matlamat mereka sebelum ini, terutama di zaman beliau dahulu? Berdasarkan realiti mereka dan susunan realiti sikap mereka dan susunan masa kini, mereka mungkin tidak akan mengubah nama dasar-dasar itu, sekurang-kurangnya sebagai suatu slogan, tetapi mengubah cara perlaksanaanya, sesuai dengan

66 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

sikap, kehendak dan bawaan peribadi mereka

Dari satu segi yang lain, siapakah Musa – Ku Li dalam konteks penerapan nilai-nilai Islam pada pandangan umum. Jelaslah bahawa perubahan yang mereka maksudkan ialah perubahan dalam pelaksanaan dasar-dasar itu kerana cara pelaksanaannya sekarang tidak menguntungkan politik mereka. Tetapi kumpulan Musa – Ku Li juga bijak berpolitik. Mereka mengambil isu-isu lain seperti kelembapan ekonomi dan diktator supaya penentangan mereka terhadap dasar-dasar itu tidak terlalu ketara. Dengan itu, pertentangan aliran atau faham yang wujud sekarang sebenarnya berkait rapat dengan krisis peribadi yang diluahkan dalam bentuk dan cara-cara mereka memilih dan memainkan isu-isu ketika berkempen.

Sebenarnya orang yang turut menyokong kumpulan Datuk Musa dan Tengku Razaleigh hanya terpengaruh dengan emosi, kepentingan diri dan sentimen kedaerahan beberapa kerat pemimpin sahaja. Krisis peribadi dan pertentangan dua aliran dalam Umno sekarang hanyalah tempiasan emosi dan “kepentingan bersama” yang tidak mencerminkan arah perjuangan (*vision*) bagi membela nasib bangsa dan agama. Memang tidak ada pemimpin atau sesiapa sahaja yang terlepas daripada sebarang kesilapan dan kelemahan masing-masing. Sebagai seorang manusia biasa, Dr Mahathir bukan segala-galanya “perfect” (sempurna). Tetapi, dibandingkan dengan kumpulan penentang-penentangannya, semua orang tahu bahawa Perdana Menteri lah yang lebih baik.

Orang-orang Umno tidak harus terpengaruh dengan analogi “budak sekolah” kerana risikonya amat tinggi. Di bahu mereka adalah tanggungjawab membela nasib bangsa dan agama. Sekiranya salah memilih pemimpin, yang terkorban bukan seorang dua, tetapi seluruh nasib bangsa dan agama. Sebagai sebuah parti orang Melayu dan umat Islam di negara ini, Umno bertanggungjawab penuh dalam menyedari dan menginsafi masa depan bangsa dan agama. Pertentangan aliran dan apalagi pertentangan peribadi atas dasar kepentingan tertentu

tidak patut menjadi isu yang dibesar-besarkan, sementelah pula negara sedang menghadapi saat-saat genting yang amat menentukan nasib bangsa Melayu dan agama Islam menjelang tahun 1990

Umno kini memerlukan perpaduan yang benar-benar kuat dan kukuh. Umno juga memerlukan pemimpin-pemimpin yang benar-benar berwibawa dan berkeperibadian tinggi demi "survival" dan masa depan bangsa dan agama. Sebagai sebuah parti yang dinamik dan pragmatik, Umno tidak perlu kembali kepada pendekatan-pendekatan lama di zaman sebelumnya kerana ia sudah tidak sesuai lagi kini.

Tujuan PM

Tujuan Dr Mahathir melancarkan pelbagai dasar baru sekarang adalah untuk mempertahankan maruah bangsa dan agama, memandangkan hasil penyelewengan-penyelewengan dan kesilapan-kesilapan masa lalu oleh peribadi-peribadi pemimpin yang mementing diri sendiri, nasib bangsa Melayu dan agama Islam serta matlamat Dasar Ekonomi Baru masih belum berada di tahap yang memuaskan.

Dalam konteks pertentangan dua aliran, Umno perlu belajar daripada pengalaman bangsa dan umat lain di beberapa bahagian dunia. Pengalaman Indonesia dan Turki misalnya dapat dijadikan contoh. Lebih 90 peratus penduduk kedua-dua negara itu beragama Islam, terdiri satu bangsa yang mengamalkan satu budaya dan satu bahasa. Tetapi bangsa Indonesia dan Turki sekarang semakin mengalami kehancuran dan kehilangan identiti sendiri. Perjuangan Sukarno dan Suharto di Indonesia yang hanya berdasarkan keadaan nasionalisme bangsa Indonesia dan melalui ideologi Pancasila mengetepikan Islam, terbukti mengalami kegagalan. Bangsa Indonesia kini benar-benar kehilangan diri di tanahair mereka sendiri kerana seluruh struktur pemerintahan dan ekonomi negara dibolot oleh kapitalis asing dan golongan Kristian.

Bangsa Turki juga mengalami nasib yang hampir serupa. Hasil kepemimpinan sekular Kamal Atatürk yang terlalu

68 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

memuja Barat dan pemimpin-pemimpin yang mengamalkan rasuah dan menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri sendiri dan penolakan terhadap Islam, negara yang pernah dikenali sebagai Kerajaan Islam Uthmaniah itu kini hanya terkenal sebagai sebuah negara sekular yang menindas umat Islam di negaranya sendiri.

Malaysia memang lain dari Indonesia dan Turki dalam pelbagai segi, tetapi pengalaman sejarah itu tidak mustahil boleh berulang di negara kita.

Bangsa Melayu kini benar-benar memerlukan kepemimpinan politik dan golongan intelektual yang mempunyai keperibadian tinggi seperti yang disarankan oleh agama suci kita – Islam. Islamlah satu-satunya pegangan yang dapat dan perlu dijadikan benteng maruah kita dalam menghadapi proses dan gejala-gejala yang terdapat dalam parti, kerajaan dan seluruh sektor kehidupan sekarang. Dengan kata lain, Islam sahajalah yang mampu dan dapat menentukan nasib bangsa Melayu sebagai satu bangsa yang bermaruah dan dihormati.

Dalam hal ini, Dr Mahathir perlu diberikan ucapan tahniah di atas pemahaman dan kesedaran beliau yang "genuine" terhadap nasib bangsa Melayu dan agama Islam di tangan parti Umno. Umno di bawah pimpinan Dr Mahathir telah mengambil langkah yang bijak dan tepat kerana mengambil Islam sebagai benteng. Jadi perubahan apakah yang diinginkan oleh kumpulan Musa – Ku Li? Pandangan Menteri Besar Johor, Haji Mahyuddin Yasin dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Mohd Isa Samad, supaya kita mempertahankan kepemimpinan yang berjiwa Islam patut diberi perhatian.

Oleh itu, pertentangan dua kumpulan dan dua aliran dalam Umno sekarang tidak harus dilihat dari sudut yang sempit atas kepentingan peribadi semata-mata. Isu ini harus dilihat dari perspektif antarabangsa dan ruang-lingkup yang lebih menyeluruh. Tidak siapa pun yang rela nasib bangsa dan agama digugat semata-mata kerana kepentingan dan sakit hati serta iri hati beberapa pemimpin yang gelojoh dan bernafsu besar, tetapi mengetepikan perjuangan dan hakikat yang sebenar.



Anwar bakal pemimpin generasi muda. Budak-budak sekolahpun suka!



Ghafar pemimpin penyelamat UMNO selepas Musa
lari ke luar negeri.

Dilema Perwakilan

Oleh Ibnu Muhammad

24 April 1987 ini merupakan satu tarikh yang penting kepada ahli-ahli UMNO khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Pada hari keramat itulah ahli-ahli UMNO (para perwakilan) akan menentukan corak kepimpinan UMNO dan negara Malaysia pada masa hadapan.

Bagi jawatan Presiden para perwakilan perlu memilih sama ada mahu mengekalkan Dr. Mahathir atau memberikan kepercayaan kepada Tengku Razaleigh yang buat pertama kalinya mahu merebut kerusi tersebut, setelah dua kali gagal mendapatkan kerusi Timbalan Presiden dari Datuk Musa.

Bagi kerusi Timbalan Presiden, perwakilan perlu memilih sama ada En. Ghafar yang kini memegang tanggungjawab Timbalan Perdana Menteri atau memberi undi kepada Datuk Musa yang bercita-cita mengekalkan kerusi tersebut untuk selama tiga tahun lagi. Bagi kerusi Naib Presiden pula terdapat 6 calon yang akan bertanding iaitu En. Anwar Ibrahim, Dato' Amar Wan Mokhtar, Dato Seri Ramli Ngah Talib, Datuk Harun Idris, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Rais Yatim. Mana-

72 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

kala bagi kerusi Majlis Tertinggi, seramai 73 calon bertanding untuk merebut 25 tempat.

Ternyata bahawa terdapat bermacam-macam jenis manusia yang menawarkan diri "untuk berkhidmat kepada UMNO". Di kalangan calon yang bertanding mesti ada yang bercita-cita mahu mengembangkan syiar Islam, ada yang mahu memulihkan keturunan Melayu dan bermacam-macam lagi. Soalnya sekarang pemimpin yang macam manakah yang dimahukan oleh ahli-ahli UMNO sekalian? Adakah kita mahu memilih pemimpin yang hanya memperjuangkan nasionalisme atau pemimpin yang selain daripada memperjuangkan nasib bangsa Melayu sekaligus juga berhasrat mahu meninggikan syiar Islam.

Jangan lupa bahawa perjuangan UMNO bukan sahaja mahu menghidupkan nasionalisme Melayu bahkan juga mahu menegakkan agama Islam. Bukankah para pemimpin UMNO pernah mendakwa bahawa UMNO adalah parti Islam terbesar di dunia? Cuba kita tinjau kembali akan kemenangan calon-calon UMNO dalam pilihanraya umum 1986 lalu. Kejayaan cemerlang tersebut bolehlah dikatakan di luar dengan memandangkan sambutan hangat yang diberikan oleh orang-orang Melayu terhadap ceramah anjuran PAS menjelang pilihanraya. Adakah jika UMNO sekadar memperjuangkan nasionalisme Melayu kemenangan secemerlang itu boleh diperolehi? Tentu sekali tidak: Tidak syak lagi bahawa usaha-usaha atau dasar-dasar kerajaan yang bercorak Keislamanlah yang telah berjaya menarik ramai pengundi Melayu supaya menyokong calon-calon UMNO. Ini kerana orang Melayu lebih menyakini UMNO dari PAS dalam memenuhi aspirasi mereka, khususnya yang berkaitan dengan penyebaran syiar Islam secara konkrit.

Satu hakikat yang sukar dinafikan tentang orang Melayu terhadap Islam akhir-akhir ini ialah semakin ramai orang Melayu yang menghayati Islam sepenuhnya dalam kehidupan mereka. Di kalangan generasi muda juga Ckecintaan terhadap Islam telah semakin mendalam. Orang-orang Melayu percaya

bahawa hanya Islamlah yang akan menjamin masa depan mereka. Islamlah satu-satunya formula yang boleh menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang Melayu seperti kemiskinan ummah, keruntuhan moral dan sebagainya.

Berdasarkan hakikat di atas adalah dikhuatiri orang Melayu tidak lagi akan memberi sokongan kepada UMNO sekiranya pemimpin yang dipilih menerajui UMNO selepas 24 April ini terdiri dari pemimpin yang tiada semangat Islam atau yang tidak boleh diharapkan untuk memperjuangkan Islam. Jika UMNO difikirkan tidak lagi berkemampuan menjamin Islam berada di tempat yang sewajarnya, maka sesuatu yang pasti ialah orang Melayu akan mencari alternatif dengan mengalihkan sokongan kepada perjuangan PAS.

Walaupun PAS kalah teruk dari segi kerusi yang dimenangi dalam pilihanraya lalu dengan hanya berjaya menangi satu kerusi Parlimen, namun jumlah undi yang diraihnya tidak sedikit. Dengan undi sebanyak kira-kira satu juta itu ternyata cabaran yang akan diberikan oleh PAS dalam pilihanraya umum akan datang tentulah lebih hebat lagi.

Dengan meningkatnya kecenderungan orang Melayu terhadap Islam maka kita dapat menjangkakan bahawa orang Melayu pada masa akan datang pasti tidak akan menyokong sebuah parti yang para pemimpinnya tidak menyokong dan mendokong perjuangan Islam. Dalam pilihanraya yang lalu, jika tidak kerana UMNO berjaya menyaingi pengaruh PAS dengan beberapa program yang 'bercorak keislaman, tentu banyak daripada kerusi-kerusi UMNO ditawan oleh PAS.

Dengan kesedaran Islam yang semakin mendalam tertanam di jiwa orang-orang Melayu dan dengan semakin ramai bilangan pengundi Melayu yang berpelajaran, maka UMNO tidak mungkin lagi mengharap untuk mendapat sokongan dengan mengemukakan isi pembangunan material semata-mata. Rakyat juga telah semakin pandai memilih pemimpin yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia.

Demi survival UMNO, parti yang menjadi "champion" kepada orang Melayu selama ini, maka corak perjuangan UMNO juga perlu mengikut rentak dan selera majoriti orang Melayu pada hari ini dan pada masa akan datang. Jika UMNO mahu mengekalkan kekuasaan politikanya di kalangan orang Melayu, maka tidak mahu mereka terpaksa memilih pemimpin-pemimpin yang mempunyai semangat keislaman. Lebih-lebih lagi pemimpin-pemimpin yang telahpun membuktikan-nya menerusi beberapa program yang telah dilaksanakan dan idea-idea yang pernah ditimbulkan.

Ahli-ahli UMNO tentu dapat menilai prestasi beberapa orang pemimpin yang akan berentap dalam pemilihan 24 April ini dari segi sumbangannya terhadap dakwah Islamiah di negara ini. Ahli-ahli UMNO tentu dapat membandingkan di antara program yang pernah dilaksanakan oleh Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh atau Musa misalnya. Atau di antara idea anjuran Anwar Ibrahim dengan idea anjuran Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Sehingga kini orang-orang Melayu yang rata-ratanya Islam itu dapat berbangga dengan beberapa program yang berbentuk keislaman seperti penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara, penubuhan Universiti Islam, Bank Islam, Takaful Islam, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) dan berbagai-bagai lagi. Idea-idea untuk melaksanakan semua projek ini tentulah lahir dari pemimpin yang berjiwa Islam yang ikhlas berusaha mahu menjadi umat Islam progresif. Dan kini semua umat Islam sedang menunggu impian mengIslamkan sistem pendidikan Malaysia menjadi kenyataan.

Sebenar tidak sukar untuk membezakan pemimpin yang berjiwa Islam dengan yang tidak. Tidak susah mengenal mana pemimpin yang pro-Islam dan mana yang "anti-Islam". Ahli-ahli UMNO tentu tahu siapakah di antara pemimpin mereka yang hidupnya sentiasa bergelumang dengan dosa dan noda seperti

menjadi kaki botol, kaki betina, kaki judi dan segala macam kaki yang lain. Ahli-ahli UMNO pasti kenal siapa di antara pemimpin mereka yang rasuah dan menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri. Ahli-ahli UMNO tentu arif siapakah di antara pemimpin mereka yang sentiasa berbohong dan memutarbelitkan kenyataan.

Tanyalah kepada diri sendiri adakah mahu dipilih orang-orang yang munkar untuk memimpin UMNO? Jika pemimpin sedemikian menjadi pilihan maka jangan terkejut kalau dalam pilihanraya akan datang (mungkin tahun 1990), UMNO akan kecundang. Jika pemimpin yang tidak bermoral dan kurang beriman mengemudi UMNO nescaya UMNO akan dibawa menuju kehancuran. Ini bermakna UMNO akan menjadi semakin lemah. Lemahnya UMNO bermakna lemahlah kuasa politik orang Melayu, iaitu satu-satu kuasa yang masih berada dalam genggaman orang Melayu.

Telah sering diperkatakan tentang perpecahan orang Melayu. Perpecahan tersebut wujud terutamanya kerana terdapat jurang perbezaan yang luas di antara UMNO dan PAS dua buah parti yang menjadi wadah perjuangan orang Melayu. Cubalah bayangkan perpecahan yang akan berlaku jika UMNO nanti dipimpin oleh orang-orang yang tiada semangat keIslaman? Jurangnya akan semakin jauh dan perpecahan tentu bertambah serius lagi.

Seandainya para pemimpin UMNO nanti terdiri daripada orang-orang yang berjiwa Islam maka hasrat hendak menyatupadukan ummah akan menjadi mudah. Muzakarah UMNO-PAS yang telah sekian lama diura-urakan itu tentu tidak akan menemui kegagalan lagi. Halangan untuk mengadakan muzakarah tersebut terlalu banyak. Di kalangan pemimpin UMNO sendiri ada yang berusaha keras menggagalkannya. Ahli-ahli UMNO tentu tahu siapa mereka. Kalau hendak mengadakan muzakarah yang bertujuan murni itupun ditentang, bagaimanakah mahu diharapkan mereka mengadakan program keIslaman kalau diberi kuasa?

Mahukah kita memilih pemimpin yang secara terang-

76 SIAPA TIPU SIAPA – DESPERADO?

terang mengakui bahawa perundangan Islam tidak sesuai dilaksanakan di negara ini? Apabila hukum sebat dilaksanakan di Kelantan baru-baru ini mereka yang anti-Islam itupun mulalah mempersendakannya. Golongan anti-Islam nampaknya juga tidak senang dengan kemunculan golongan pro-Islam dalam kepimpinan UMNO. Mereka berhujah kononnya golongan yang pro-Islam cuba memperalatkan Islam untuk mendapatkan kuasa. Ada pula yang sampai menuduh golongan pejuang Islam itu sebagai golongan PAS dalam UMNO.

Sesungguhnya kemunculan beberapa orang pemimpin muda UMNO yang komited terhadap perjuangan Islam menjadikan golongan anti-Islam dalam UMNO gelisah. Mereka bagaikan tahu bahawa di zaman "the rising tide of Islam" (kebangkitan semula Islam) ini, golongan "anti-Islam" tidak akan popular. Kedudukan mereka menjadi semakin terhimpit. Dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1986 lalu suara-suara yang inginkan UMNO lebih serius memperjuangkan Islam jelas kedengaran.

Bagi golongan "anti-Islam", jika trend ini dibiarkan berterusan, maka masa depan politik mereka dalam UMNO akan malap. Oleh itu mereka berpendapat Islam tidak wajar diberi tempat dalam UMNO. UMNO seharusnya hanya meniup trompet nasionalisme Melayu semata-mata. Lantas mereka membuat kesimpulan pemimpin UMNO yang berjiwa Islam adalah berbahaya dan boleh mengancam kerjaya politik mereka. Demi kepentingan kuasa dalam politik UMNO mereka berusaha keras mahu menjatuhkan pemimpin-pemimpin yang difikirkan membawa fahaman Islam ke dalam UMNO.

Kesimpulannya, ahli-ahli UMNO, yakni para perwakilan yang akan mengundi nanti perlulah membuat pilihan secara rasional. Jangan sekali-kali menyokong seseorang itu kerana semata-mata dia adalah "boss" kita – yang telah banyak berbudi dengan memberi lesen, peluang niaga, pangkat, kedudukan dan sebagainya. Jauhkan sama sekali sentimen kenegerian dan dasar berpuak-puak. Jangan pula mahu menjatuhkan seseorang itu atas alasan kecewa, dendam seperti kerana gagal

mendapat kemudahan, gagal menjadi calon, menteri, senator dan sebagainya.

Pilihlah pemimpin yang telah membuktikan prestasi kerja yang baik dan yang dapat menjamin UMNO akan terus kuat dan kukuh. Dr. Mahathir tidak penting, Tengku Razaleigh tidak penting, En. Ghafar tidak penting, Datuk Musa tidak penting dan mana-mana pemimpin UMNO secara individu tidak penting. Yang penting ialah UMNO terus hidup kerana UMNO sahajalah satu-satunya parti yang boleh membela nasib orang Melayu.

Untuk menjamin UMNO terus kekal dan kukuh maka UMNO perlu mendapat sokongan orang Melayu. Untuk mendapatkan sokongan orang Melayu UMNO mestilah dipimpin oleh orang-orang yang mampu memenuhi aspirasi dan cita-cita orang Melayu.

Hubaya! Hubaya! Musuh Islam sedang menunggu untuk melihat UMNO dikuasai oleh manusia yang boleh mereka pergunakan dalam rancangan mereka melemahkan bangsa dan umat Islam. Relakah kita melihat UMNO dijadikan alat oleh musuh-musuh Islam? Relakah kita melihat kehancuran ini?



Ghafar, Wan Mokhtar, Anwar dan Ramli Ngah Talib bakal pemimpin masa depan. Gabungan tenaga mereka memang tepat untuk meneguhkan kerajaan pimpinan Dr.Mahathir.



Hj. Muhammad Muhammad Taib, Hj. Mahyudin Yasin, Megat Junid dan Mustapha cerah untuk memimpin UMNO di masa akan datang



Tengku Din, Tajol Rosli, Mohd Isa Samad dan Dolah Kok Lanas (bakal pemimpin Kelantan) mampu meneruskan perjuangan Melayu-Islam.



Anwar bergandingan tokoh-tokoh intelektual (Dr. Nik Safiah Karim dan Dr. Nordin Selat) matang dan berwibawa.




Datuk Sanusi Junid panglima UMNO yang sejati. Sanggup berkorban demi masa depan bangsa. Ini satu sejarah. Bukti pemimpin yang tidak gelojoh.



Mohamad Rahmat, Khalid Yunus dan Abu Hassan Omar menyokong kuat Dr. Mahathir.



Dr. Siti Zaharah, Sabaruddin Chik, Khalil Yaakob dan Daim Zainuddin berpotensi asalkan tidak rasuah.



TRADE
WAR
THE U.S. FIERCE
FIRST BAYONET

ASIaweek

Subscription: US\$10.00 (US & Canada)

APRIL 12, 1987

ASIAWEEK
PUBLISHED WEEKLY
BY ASIaweek Inc.
1000 15th St., N.W.
Washington, D.C. 20004
Tel: (202) 331-1000
Fax: (202) 331-1001
Subscription: US\$10.00 (US & Canada)
US\$15.00 (Foreign)
US\$20.00 (Foreign)
US\$25.00 (Foreign)
US\$30.00 (Foreign)
US\$35.00 (Foreign)
US\$40.00 (Foreign)
US\$45.00 (Foreign)
US\$50.00 (Foreign)
US\$55.00 (Foreign)
US\$60.00 (Foreign)
US\$65.00 (Foreign)
US\$70.00 (Foreign)
US\$75.00 (Foreign)
US\$80.00 (Foreign)
US\$85.00 (Foreign)
US\$90.00 (Foreign)
US\$95.00 (Foreign)
US\$100.00 (Foreign)

UMNO ELECTIONS

READY FOR BATTLE



Prime Minister Mahathir Mohamad

Kepimpinannya dikritik dan ditakuti kerana bersikap terbuka. Datu Musa tenggelam dalam gelora tetapi Dr. Mahathir tetap tenang.

Epilog

SEORANG kawan yang menetap di kawasan pilihan-
raya Parlimen Gopeng menulis:

Saudara, saya cuma nak beritahu sedikit lagi perkara yang saya fikir penting untuk saudara ketahui. Ini berkaitan dengan DAP, tetapi ada kaitan juga dengan krisis yang sedang melanda UMNO sekarang. Dalam kempen awalnya dua malam lepas di sini, Lee Lam Thye (DAP) telah mengucapkan ribuan terima kasih kepada apa yang disebutnya sebagai "juru kempen-juru kempen" bagi pihak DAP. Lee Lam Thye kata, dulu DAP hanya tahu 1/3 sahaja daripada "kecacatan-kecacatan" Kerajaan yang diterajui oleh UMNO. Dan, katanya, "juru kempen-juru kempen" baru DAP dalam UMNO sekarang telah membuka 2/3 lagi rahsia-rahsia "kecacatan" kerajaan. Ucapan ini, menurut Lee Lam Thye, terutamanya ditujukan kepada Datuk Kuen, Tengku Razaleigh, Datuk Shahrir dan Marina Yusoff serta konco-konconya yang telah memberikan sumbangan kempen mereka secara percuma untuk DAP menjelang pilihanraya akan datang (pilihanraya Parlimen Gopeng tidak lama lagi akibat perletakan jawatan Tan Koon Swan).

Saya sengaja beritahu saudara tentang hal ini sebab saudara seorang penulis dan rapat pula dengan akhbar dan ada kawan-

(Petikan ini diambil daripada surat yang dihantar oleh seorang kawan Sudirman Hj. Ahmad kepadanya bertarikh 9 April 1987 lalu).



